

21 unit Rumah Selangorku untuk setinggan

4

1000 Digital tingkat ilmu usahawan

4

Hijrah tawar biaya RM3,000

7

Menang kereta, tuah ke program Madani

8

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 6 - 12 JUN 2024

www.selangorkini.my

Google melabur RM9.4 bilion

Syarikat gergasi teknologi itu akan bina pusat data dan wilayah cloud di Elmina Business Park, Shah Alam yang buka 26,500 peluang kerja menjelang 2030. Limpahan ekonomi dianggar kira-kira RM15 bilion

MUKA 3

Sampah Sungai Klang susut tiga kali ganda

Kutipan sisa pepejal berkurangan 67 peratus, daripada 16,000 pada 2019 kepada 5,800 tan metrik tahun lalu. Kerja pembersihan dijalankan jentera Interceptor 002 melalui Projek Gerbang Maritim Selangor

MUKA 6



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) melancarkan terjemahan Ihya' Ulumuddin dan Hadis 40 karya bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab (tiga, kiri) ketika merasmikan Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin di Masjid Negeri pada 1 Jun 2024. Turut serta, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tiga, kanan), Pengarah Pusat Kajian Islam Quantum Akhyar Institute Dr Adi Hidayat (dua, kiri), Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Saipolyazan M Yusop (kanan), Pengarah Sekretariat Festival Turath Islami Selangor Farhan Affandi (dua, kanan) dan Faiz Fateh al-Azhari, penterjemah Dr Ali Jum'ah. Foto AHMAD ZAKKI JILAN ► BERITA MUKA 2

pancawarna

Teks turath medan dampingi ulama



Festival himpun agamawan tarik ribuan peserta termasuk luar negara

9&10

Papar kejayaan di pesta buku KL



Kerajaan Negeri promosi projek pembangunan termasuk buku

12&13

Novel ulama pengaruhi dunia



Hikayat Hayy Bin Yaqzan sampaikan kisah anak timba ilmu, kenali Tuhan

14

Perancangan bandar untuk masa depan

PETALING JAYA - Proses penilaian baharu yang dijalankan pihak berkuasa tempatan (PBT) penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar selain merangka strategi masa depan.

Menegaskan rumah kos rendah tidak dikenakan cukai meski menerima notis itu, Dato' Menteri Besar menjelaskan ia bertujuan mengetahui nilai dan kualiti perbandaran sesebuah kawasan.

"Apabila buat penilaian semula, maka nilai rumah atau hartanah meningkat. Jadi (proses) ini adalah penilaian (nilai) yang sebenar (terkini).

"(Kemudian barulah) Kerajaan Negeri menetapkan selepas ini bila hendak dinaikkan atau sebagainya," kata Dato' Seri Amirudin Shari di sini pada 30 Mei.

Amirudin memberitahu pentadbiran negeri akan meneliti pelbagai faktor sebelum membenarkan PBT membuat kenaikan cukai taksiran ataupun sebaliknya.

Sedia jelaskan isu lantik syarikat

PETALING JAYA - Selangor terbuka untuk memberi penerangan berkaitan isu pelantikan syarikat pengendali perkhidmatan projek rintis van transit atas permintaan (DRT) di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pihaknya sedia mendedahkan segala butiran berkaitan kepada mana-mana pihak berikutan urusan itu dibuat mengikut tatacara betul.

"Kita tiada masalah kerana kita ada jawatankuasa dewan dan mereka boleh minta minit mesyuarat yang turut dihadiri oleh Apad (Agensi Pengangkutan Awam Darat).

"Kita sangat terbuka dan ada kebebasan maklumat. Tiada benda pelik," katanya pada 30 Mei.

Amirudin juga menambah dua syarikat yang dilantik iaitu Asia Mobility Sdn Bhd dan Badan Bas Coach Sdn Bhd dilibatkan dalam proses pembuktian konsep (proof of concept) DRT.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Pembangunan seiring keagamaan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri ber-sungguh-sungguh untuk memastikan program keagamaan dan pembangunan fizikal senantiasa berjalan seiring dalam mencapai status negeri maju.

Justeru, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berhasrat untuk menyemarakkan lagi majlis bersifat keagamaan seumpama Festival Turath Islami Selangor pada masa depan.

"Menjadi cita-cita pentadbiran negeri bukan hanya ingin membangunkan fizikal dan akal masyarakat tetapi juga membangunkan jiwa dan kerohanian umat dan masyarakat.

"Kita hendak bangun manusia yang hatinya tulus dan murni, membangun manusia yang ada jiwa, ada makna diri dan punyai nurani bersifat kemanusiaan serta nilai ehsan tinggi," katanya.

Beliau berucap dalam program Darul Ehsan Berselawat dan Maulid Akhbar yang dihadiri sekitar 50,000 pengunjung sempena penutupan festival berkenaan di Stadium Shah Alam pada 2 Jun.

Turut hadir, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas Mufti Besar Mesir Syeikh Prof Dr Ali Jum'ah dan pendakwah terkenal Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid.

Tangkis cabaran media sosial

Perkukuh tradisi pengajian kitab

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Penganjuran Festival Turath Islami Selangor dan penerbitan kitab penting bagi mengekal tradisi keilmuan agama bagi mendepani pelbagai cabaran dunia termasuk media sosial.

Menghargai usaha Kerajaan Selangor termasuk Inisiatif Buku Darul Ehsan, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kaedah pembelajaran seperti kelas pondok perlu diperkukuh.

"Penerbitan karya lama ini perlu dan apa yang diusahakan di Selangor ini menarik di mana dikekalkan satu tradisi ilmu lama seperti pondok dan datang

syekh yang baca dan kupas ilmu.

"Kerana dunia sekarang ini dunia media sosial, dunia tiga minit. Padahal dalam Islam dan tradisi ilmu akhliyah itu mesti membaca, menelaah dan menghayati ilmu," katanya pada 1 Jun.

Beliau merasmikan Seminar Penghayatan Riyadhhu as-Salihin dan Perbualan Khas Imam an-Nawawi & Riyadhhu As-Salihin sempena Festival Turath Islami Selangor antara 26 Mei hingga 2 Jun.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Hal Ehwal Agama Dato' Setia Dr Mohd Nai'im Mokhtar dan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek hadir dalam majlis di Masjid Negeri di sini.

Selain itu, Anwar memberitahu teknologi Kecerdasan Buatan (AI) di nega-

ra ini perlu diterap nilai keilmuan turath Islam dan tidak hanya bergantung kepada kepakaran Barat semata-mata.

Beliau menegaskan teknologi baharu yang berupaya menukar landskap kehidupan manusia tidak boleh terpisah daripada sistem dan nilai akhlak Islam.

"Kebimbangan saya dalam mengem-bangkan AI dan digital kerana ada nilai Barat dan pemikiran Barat. Kita mesti latih anak kita yang ada kepakaran untuk memuatkan khazanah ilmu Islam.

"Turath ada kaitan kerana turath mesti dimasukkan supaya AI yang di-luahkan dari negara Islam itu tidak terpisah dari sistem dan nilai akhlak Islam," katanya lagi.

Pendekatan lahir agamawan wibawa

HULU LANGAT - Pengajian kitab secara tradisional harus diseimbangkan dengan kaedah moden supaya tidak terputus kesinambungan mempelajari ilmu turath secara lebih mendalam.

Bekas Mufti Besar Mesir Syeikh Prof Dr Ali Jum'ah berkata kaedah tradisional mendalami kitab tidak boleh dikesepi kerana terbukti ia melahirkan

ulama berwibawa yang menjadi rujukan umat.

"Dulu jika belajar kitab ambil masa bertahun-tahun. Pergi rumah ke rumah, belajar hingga faham dengan beberapa guru.

"Jadi belajar kitab secara tradisional bersifat lebih mendalam berbanding sistem moden yang kurang me-

nekankan kepada pemahaman kitab secara mendalam tetapi lebih kepada penghafalan.

"Bukan bermakna kita menolak kaedah moden tetapi perlu diseimbangkan seiring kaedah terkini yang merangkumi ujian pentaksiran dan sebagainya," katanya di Universiti Islam Selangor pada 31 Mei.

Ulama perlu bercakap benar

SHAH ALAM - Seseorang ulama perlu sentiasa bercakap benar dan sedia memikul tanggungjawab yang diberi kepada mereka dengan tidak mengkhianati amanah tersebut.

Pengerusi Institut Ke-fahaman Islam Malaysia (Ikim) Prof Dato' Dr Muhammad Nur Manuty berkata mereka juga perlu sanggup dan berani menegur serta menyatakan kemungkaran pemerintah.



"Bicaralah dengan perkara yang benar dan nyatakan perkara mungkar kepada pemerintah, jika dilakukan mereka. Seorang ulama perlu berwibawa. Islam menentang pemerintahan kuku besi.

"Barangkali ada pemimpin tidak sedar pentingnya menjaga keadilan. Keharmonian, perdamaian antara pemerintah dan rakyat penting dalam kepemimpinan Islam," katanya pada 1 Jun.

Beliau berkata demikian dalam sesi pertama Seminar Penghayatan Riyadhhu as-Salihin: Peradaban Akhlak dari Riyadhhu as-Salihin di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Program tersebut antara majlis utama dalam Festival Turath Islami Selangor antara 26 Mei hingga 2 Jun.

Dr Muhammad Nur Manuty yang mengulas isu kepemimpinan berdasarkan kitab Riyadhhu as-Salihin turut menjelaskan topik berkenaan antara perkara paling utama disebut dalam hadis Rasulullah SAW.



SEDIA... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim (tujuh, kiri) bersama wakil penaja dalam sidang media Selangor International Junior Golf Championship dan PKNS Selangor Masters 2024 di Petaling Jaya pada 30 Mei. Foto FIKRI YUSOF ► BERITA MUKA 21

Cipta 26,500 peluang kerja

Pelaburan Google RM9.4 bilion

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

SHAH ALAM - Pelaburan syarikat gergasi teknologi Google bernilai RM9.4 bilion di Elmina Business Park, Sungai Buloh dekat sini membawa manfaat ekonomi, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pengumuman Google untuk membangunkan pusat data dan wilayah Google Cloud pertama di Malaysia juga membuka 26,500 peluang kerja menjelang 2030.

"Ini akan memberikan manfaat ekonomi, merangsang perniagaan tempatan dan mencipta peluang pekerjaan," katanya dalam Facebook pada 1 Jun.

Menurut kenyataan Kementerian Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Miti) pada hari sama, pelaburan tersebut bakal membawa limpahan ekonomi bernilai kira-kira RM15 bilion.

Pusat data Google juga akan memperkasa perkhidmatan digital terkemuka Google termasuk Search, Maps dan Workspace selain menyampaikan manfaat kecerdasan buatan (AI) kepada pengguna.

Justeru, Malaysia akan menyertai 11 negara lain yang mengendalikan pusat data bagi memberi perkhidmatan kepada pengguna di seluruh dunia.

Wilayah Google Cloud pula menyediakan infrastruktur awan, analitik dan perkhidmatan AI berprestasi tinggi kepada perusahaan besar, syarikat pem-

ula niaga dan organisasi sektor awam.

Pelaburan itu hasil libat urus membabitkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama presiden dan ketua pegawai pelaburan yang juga ketua pegawai kewangan Alphabet dan Google Ruth Porat.

Memorandum Persefahaman ditandatangani antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) dan Google pada 14 November 2023.

Menurut Menteri Miti Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, pelaburan itu menyokong matlamat digital yang digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Beliau menambah dua projek itu pula akan memperkasa sektor pembuatan dan industri.

Tingkat kemahiran bangunkan AI

SHAH ALAM - Google mahu memperingkatkan kemahiran rakyat Malaysia seiring perkembangan dunia digital yang memberi tumpuan kepada pembangunan kecerdasan buatan (AI).

Pengarah Negara Google Malaysia percaya pelaburan itu mengukuh daya saing digital Malaysia melalui pembangunan pusat data Google pertama dan rantau Google Cloud di Elmina Business Park milik Sime Darby.

Farhan S Qureshi menjelaskan pusat data Google akan memperkasa per-

khidmatan popular termasuk Search, Maps dan Workspace yang digunakan berbilion-bilion pengguna di seluruh dunia.

"Lebih penting lagi, ia akan membuka jalan untuk menyampaikan kuasa transformasi AI kepada pengguna dan pelanggan di seluruh negara," kata beliau dalam kenyataan pada 30 Mei.

Katanya, rantau Google Cloud menawarkan perkhidmatan awan berprestasi tinggi kepada perusahaan, syarikat pemula dan organisasi sektor awam di

samping mengekal piawai keselamatan.

Farhan percaya dua projek tersebut adalah pelaburan terancang Google yang memberi penekanan kepada perkongsian kukuh bersama kerajaan persekutuan sejajar Dasar Awan Pertama negara.

"Kami amat teruja dengan masa depan Malaysia dan peranan yang boleh dimainkan oleh Google dalam mempercepat perjalanan digital," katanya lagi.

Iktiraf sastera dalam pembangunan

SHAH ALAM - Aspek kesenian dan kesusteraan terus menjadi sendi utama dalam usaha negeri mencapai kemakmuran dan kemajuan, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Menjelaskan pentadbiran negeri sentiasa memberi sokongan, bahkan mengiktiraf bidang tersebut, beliau menegaskan seni dan sastera bukan penyendal atau pelengkap kepada aspek kehidupan.

"Sebaliknya, ia adalah makna diri kepada sesuatu bangsa dan ketamadunan yang boleh menjadi kayu ukur dengan melihat karyanya," katanya di Facebook pada 3 Jun.

Pada 1 Jun, Amirudin mendeklamasi puisi Pahlawan Buana nukilan Ladin Nuawi dalam Malam Baca Puisi Persatuan Penulis Nasional Malaysia sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024.

ADN muda gilap bakat kepimpinan

SHAH ALAM - Program Ahli Dewan Negeri (ADN) Muda Selangor mendedahkan generasi belia mengenai proses membuat keputusan pada peringkat tertinggi sesebuah negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu program sedemikian juga berupaya menggilap bakat kepimpinan golongan muda sebagai pelapis masa depan.

"Ia memberi peluang kepada (anak muda) seperti pimpinan majlis belia, badan bukan kerajaan (NGO) serta individu merasai pengalaman dalam Dewan Negeri Selangor.

"Mereka juga didedahkan bagaimana proses membuat keputusan peringkat negeri dengan memberi situasi lebih jelas bagaimana keputusan peringkat tertinggi diputuskan," katanya pada 29 Mei.

Bukti keyakinan tinggi pelabur

SHAH ALAM - Pelaburan syarikat gergasi teknologi Google di Elmina Business Park, Sungai Buloh di sini membuktikan pelabur menaruh keyakinan tinggi terhadap keupayaan pembangunan negeri.

EXCO pelaburan menjelaskan pelaburan tersebut membawa tawaran kerja bernilai tinggi seiring pembangunan taman reka bentuk litar bersepadu (IC) dan semikonduktor di Puchong.

Ng Sze Han menambah pelaburan Google juga membawa kesan berganda kepada pelbagai industri terutama semikonduktor sekali gus mengukuhkan status Selangor sebagai pusat ekonomi negara.

"Perancangan pembangunan ini bergantung kepada teknologi semikonduktor yang canggih berikutan penggunaan meluas merangkumi AI (kecerdasan buatan)," katanya pada 3 Jun.

Pantau proses alih al-Quran

SHAH ALAM - Operasi perobohan penempatan setinggal di Kampung Sri Makmur, Gombak dipantau pegawai bertugas dan dilaksanakan mengikut tatacara operasi piawai (SOP).

Menurut Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, naskhah al-Quran dan bahan yang mengandungi ayat suci pula dialih ke tempat selamat oleh penguat kuasa sebelum operasi.

Katanya, tindakan itu bagi mengelak kerugian kepada pemilik selain memelihara kehormatan kitab suci al-Quran.

"Anggota penguat kuasa yang bertugas sentiasa mengikut SOP kerja dan dipantau oleh pegawai bertugas untuk memastikan keseluruhan struktur terlibat termasuk surau dikosongkan sepenuhnya.

"Pihak pemaju juga telah melantik pekerja-pekerja yang memakai ves keselamatan untuk membantu memindahkan baki barangan di dalam struktur terlibat," menurut kenyataan.

Jelas pejabat itu, tindakan perobohan pada 27 hingga 28 Mei dilaksanakan mengikut perintah Mahkamah Tinggi Shah Alam yang dikeluarkan pada 14 Mei 2024.

Banci setinggal asal dua kali sejak 2006

SHAH ALAM - Bancian pada 2006 dan 2016 asas penawaran Rumah Selangorku kepada 21 keluarga setinggal asal Kampung Sri Makmur, Gombak, kata setiausaha politik kepada Dato' Menteri Besar.

A Rahim Ahmad Kasdi menjelaskan mereka perlu menunjukkan bukti dokumen yang mereka menetap di kawasan berkenaan sebelum 2006 selain terlibat dalam kedua-dua proses bancian itu.

Beliau menambah bancian pada 2006 dijalankan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bersama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak bagi menawarkan rumah kos rendah di Selayang Mulia.

"Sebahagian besar penduduk menerima tawaran Kerajaan Negeri berpindah ke rumah ditawarkan manakala selebihnya menolak tawaran dan memohon pampasan," katanya dalam kenyataan pada 2 Jun.

A Rahim memberitahu MPS meroboh unit rumah kosong pada Julai 2016 dan membuat bancian pada 2016 bagi mengenal pasti penduduk asal yang menduduki kawasan berkenaan sejak 2006.

1000 Digital tingkat ilmu usahawan

SHAH ALAM - Program Selangor 1000 Digital diperkenalkan bagi memperluas transformasi digital dalam kalangan usahawan tempatan, kata EXCO Keusahawanan Najwan Halimi.

Beliau juga menjelaskan program tersebut yang dijayakan dengan kerjasama agensi kerajaan akan ke lima lokasi mulai Petaling diikuti Sabak Bernam, Sepang, Hulu Langat dan Gombak.

Katanya, ia antaranya Perbadanan

Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec), Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan Platform Selangor.

Najwan percaya program mengandungi 10 topik latihan termasuk pengurusan perniagaan secara digital dan teknik penciptaan kandungan menarik berupaya meningkatkan keupayaan usahawan.

"Kita anjurkan program ini untuk memberi pendedahan kepada usahawan di bandar dan luar bandar berkaitan tranformasi pendigitalan supaya dapat menjana pendapatan dan perkhidmatan mereka.

"Kita sasar penglibatan 1,000 usahawan e-dagang termasuk syarikat penstriman langsung di seluruh Selangor," katanya selepas pelancaran program tersebut pada 30 Mei.

Bantu setinggal Kampung Sri Makmur

Tawar 21 unit Rumah Selangorku

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Seramai 21 keluarga setinggal asal Kampung Sri Makmur, Gombak ditawarkan rumah mampu milik pada harga subsidi RM65,000, kata setiausaha politik kepada Dato' Menteri Besar.

Menjelaskan Rumah Selangorku Seri Temenggung itu berkeluasan 750 kaki persegi, A Rahim Ahmad Kasdi memberitahu penduduk berkenaan juga menerima bayaran kos pemindahan rumah RM1,000.

Katanya, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor mengeluarkan surat

tawaran pada 21 Mei kepada penerima yang disahkan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak hasil bancian 2006 dan 2016.

"Penyelesaian yang dicapai bukti Kerajaan Negeri melaksanakan proses dengan cermat supaya sekurang-kurangnya penduduk setinggal asal Kampung Sri Makmur mempunyai hak kepada rumah yang dimiliki sendiri," katanya dalam kenyataan pada 2 Jun.

A Rahim juga mendedahkan isu kampung berkenaan gagal ditangani pentadbiran negeri sebelum ini yang diketuai Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan dibantu Hilman Idham selaku pegawai khasnya.

Katanya, penduduk dibiar dalam

keadaan tidak tentu ekoran penyelesaian gagal dicari pada 2016 sebaliknya Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari merancang untuk membangunkan kawasan itu.

Beliau berkata Amirudin yang memimpin mulai 2018 memutuskan supaya tanah tersebut dibangunkan secara tersusun, justeru Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menjualnya pada 2020.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri berikhtiar penduduk asal setinggal Kampung Sri Makmur menikmati peluang memiliki rumah sendiri selepas menetap dalam keadaan setinggal untuk tempoh lama," katanya.

Sudah beri cukup masa berpindah

SHAH ALAM - Penduduk Kampung Sri Makmur, Gombak diberi tempoh secukupnya untuk berpindah yang menjangkau masa hingga 18 tahun, kata anak bekas ketua kampung tersebut.

Menolak dakwaan kononnya Kerajaan Selangor zalim mengusir penduduk dalam notis singkat, Khairul Ariffin Abd Manaf, 24, memberitahu makluman untuk berpindah sejak 2006 lagi.

"Ini bukan seperti yang dicanang, Jumaat dapat duit (pampasan), Ahad

rumah kena roboh. Seolah-olah menunjukkan Kerajaan Negeri zalim dan tidak memberi masa kepada penduduk.

"Sedangkan Kerajaan Selangor sudah memberi masa dari tahun 2006 hingga 2024. Sudah 18 tahun, takkan tempoh selama itu tidak sempat untuk berkemas?"

"Inilah fakta yang saya rasa dimanipulasi dan saya patut ke depan untuk betulkan semua ini," katanya yang turut menunjukkan dokumen Majlis Perbandaran Selayang bertarikh 13 Jun 2006.

Khairul Ariffin percaya masalah berkenaan tidak menjadi serumit sekarang jika penduduk asal bersetuju menerima pampasan dan meninggalkan setinggal tersebut dari awal.

"Ketika notis pertama dikeluarkan (2006), kami terus bersetuju untuk terima pampasan, tidak panjangkan lagi cerita dan ikut arahan Kerajaan Negeri ketika itu.

"Semua ini tidak terjadi jika semua bersetuju terima pampasan pada 2006. Bukan mahu salahkan mana-mana pihak tapi sepatutnya tapak ini dikosongkan sebelum 2024," katanya pada 5 Jun.



WAKTU SOLAT	6 - 12 JUN 2024 29 ZULKAEDAH - 5 ZULHIJAH 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis		5:40	5:50	7:02	1:15	4:40	7:24	8:39	5:40	5:50	7:03	1:15	4:40	7:24	8:39	5:41	5:51	7:03	1:17	4:42	7:26	8:41
07 Jumaat		5:40	5:50	7:02	1:15	4:40	7:24	8:39	5:41	5:51	7:03	1:15	4:41	7:24	8:39	5:41	5:51	7:03	1:17	4:43	7:26	8:42
08 Sabtu		5:40	5:50	7:02	1:15	4:41	7:24	8:39	5:41	5:51	7:04	1:16	4:41	7:24	8:39	5:41	5:51	7:04	1:17	4:43	7:27	8:42
09 Ahad		5:40	5:50	7:03	1:15	4:41	7:24	8:40	5:41	5:51	7:04	1:16	4:41	7:24	8:40	5:41	5:51	7:04	1:18	4:43	7:27	8:42
10 Isnin		5:40	5:50	7:03	1:16	4:41	7:24	8:40	5:41	5:51	7:04	1:16	4:42	7:24	8:40	5:41	5:51	7:04	1:18	4:43	7:27	8:42
11 Selasa		5:40	5:50	7:03	1:16	4:41	7:25	8:40	5:41	5:51	7:04	1:16	4:42	7:25	8:40	5:41	5:51	7:04	1:18	4:44	7:27	8:43
12 Rabu		5:41	5:51	7:03	1:16	4:42	7:25	8:40	5:41	5:51	7:04	1:16	4:42	7:25	8:40	5:41	5:51	7:04	1:18	4:44	7:27	8:43



JELAS... EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin mendengar penerangan daripada Pengurus Kanan Pembangunan Perniagaan, Vincent Chow (kanan) ketika mengunjungi pusat pengalaman dan perubatan baharu Wellspring Solutions di Petaling Jaya pada 31 Mei. Foto Facebook Jamaliah Jamaluddin

Hayati kitab Imam Nawawi

Ribuan peserta khatam Hadis 40

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI & SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Hampir 2,000 peserta Festival Turath Islami Selangor khatam pengajian kitab Hadis 40 bersama bekas mufti besar Mesir di masjid negeri pada 30 Mei.

Bermula solat Maghrib, semua peserta mengikuti pengajian terakhir hadis ke-42 karya Imam an-Nawawi yang disampaikan Syeikh Prof Dr Ali Jum'ah hampir dua jam sebelum majlis khatam.

"Saya berpesan kepada pelajar yang diberi ijazah untuk bertakwa kepada Allah dalam keadaan sembunyi dan terang-terangan, bersungguh-sungguh menuntut ilmu dan menyebarkan sunnah.

Kitab bantu bersihkan jiwa

SHAH ALAM - Jarang merujuk kitab dan tiada guru antara faktor anak muda kerap mengalami tekanan dan serangan panik, kata presiden Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (Pergas).

Justeru, Muhammad Tarmizi Abdul Wahid memberitahu golongan belia memerlukan pembersihan hati dan jiwa dengan lebih kerap.

"Ramai masyarakat lebih-lebih lagi anak muda inginkan kebahagiaan dan

"Saya berpesan supaya anda tidak lupa akan saya dan guru-guru saya dalam doa anda dalam keadaan sendirian atau ramai," kata Dr Ali Jum'ah yang juga anggota Majlis Tertinggi Ulama Al-Azhar.

Dr Ali Jum'ah menyifatkan Imam an-Nawawi memiliki hati yang suci sehingga berupaya menghasilkan karya agung seperti Riyadhhu as-Salihin.

Beliau percaya kitab berkenaan ditulis dari hati Imam an-Nawawi sehingga setiap pembaca merasai ketenangan dan berasa dekat dengan penulisnya.

"Kitab ini berbicara tentang manusia dari sudut pemikiran, hati, perbuatan, keperluan diri dan jasad. Imam Nawawi menulis Riyadhhu As-Salihin daripada hatinya

"Apabila anda baca kitab ini, anda akan rasa ketenangan dan rasa ber-

mereka selalu mengadu di media sosial, muram, sedih, tekanan dan ada serangan panik. Puncanya kurang rujuk kitab.

"Baca kitab seperti Riyadhhu as-Salihin, duduk dengan guru untuk didik kerohanian. Pasti ada kelainan. Kitab ini bukan sahaja mengajar amalan rohani tetapi erti keikhlasan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi kedua Seminar Penghayatan Riyadhhu as-Salihin: Pembentukan nilai masyarakat Muslim dalam sejarah di Masjid

hubungan dengan penulis. Ia merupakan panduan amali kepada setiap umat Islam di muka bumi ini," katanya.

Beliau antara ahli panel program Perbualan Khas Imam Nawawi & Riyadhhu as-Salihin sempena Festival Turath Islami Selangor 2024 di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 1 Jun.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pula menyifatkan Hadis 40 Imam Nawawi perlu difahami dan didalami setiap peringkat umur khususnya golongan belia di negara ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berpandangan kitab turath termasuk Hadis 40 Imam Nawawi kaya dengan ajaran yang boleh menjadi rujukan bagi mendepani pelbagai krisis pada masa ini.

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 1 Jun.

Mengulas kitab Riyadhhu as-Salihin yang menjadi rujukan utama di Singapura melebihi satu abad, beliau berkata ia sumber pendidikan, kurikulum sekolah dan madrasah di republik tersebut.

Kitab Riyadhhu as-Salihin menghimpunkan 1,896 hadis Rasulullah SAW mencakupi aspek kehidupan Muslim antaranya kepercayaan, adab dan ibadat.

Kukuh kerjasama dengan ilmuan

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor berhasrat untuk terus mengukuhkan kerjasama dengan golongan ilmuan dan agamawan bagi mengembangkan lagi gagasan Islam Nusantara.

Dato' Menteri Besar berkata pelbagai program dirangka termasuk menjalin kerjasama dengan tokoh dan sarjana Islam Indonesia Prof Dr KH Said Aqil Sirodj atau lebih dikenali sebagai Kang Said.

"Kang Said hadir ke Festival Turath Islami Selangor dua kali berturut-turut menyampaikan syarahan utama berkenaan lhya' Ulumuddin dan terbaru perjalanan hidup Imam an-Nawawi.

"Kang Said nama besar dalam membawa konsep Islam Nusantara bagi memperkukuh ukhuwah umat Islam di rantau ini," kata Dato' Seri Amirudin Shari yang menerima kunjungan tokoh itu di pejabatnya pada 30 Mei.

Benteng kekang masalah sosial

SHAH ALAM - Kitab turath perlu dipelajari sebagai benteng mengekang masalah sosial dan persekitaran masa kini selain merupakan warisan Islam, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pengisian kitab berkenaan berupaya membimbing generasi sekarang sekali gus membawa keredaan dan rahmat kepada negara.

"Tahun ini kita dapat berkumpul sekali lagi di Festival Turath Islami Selangor. Ini tanda atau komitmen Kerajaan Negeri untuk membumikan kitab turath di negara dan negeri.

"Ini sekali gus menanam jati diri yang kuat dalam generasi sekarang dan akan datang," katanya dalam Himpunan Ilmuan Muda Timur Tengah yang dianjurkan sempena Festival Turath Islami Selangor pada 2 Jun.

Lima sikap bentuk jati diri

SHAH ALAM - Umat Islam wajar memiliki lima sifat terpuji sekiranya mahu menjadi insan yang baik, soleh dan bijaksana, kata ulama tersohor Pattani.

Baba Ghazali Ahmad Al-Fathoni berkata sifat itu meliputi ikhlas, siddiq, amanah, tawaduk dan itsar (pentingkan orang lain) seperti penekanan yang dirwayatkan dalam kitab Riyadhhu as-Salihin oleh an-Nawawi.

Beliau berkata, ilmu berkenaan turut menjadi pegangannya dalam mendidik anak murid selain turut menghebahkan dalam ceramah demi menerapkan sifat terbabit dalam kehidupan.

"Pentingkan orang lain berbanding diri sendiri. Bawa lima sifat ini untuk bentuk jati diri yang baik. Jadi rakyat Malaysia, buatlah," katanya pada 30 Mei.

Faisal bersemangat untuk pulih

SHAH ALAM - Semangat yang ditunjukkan Faisal Halim membantu pemain Selangor FC itu pulih dengan lebih cepat dari jangkaan awal, kata EXCO Sukan Najwan Halimi.

Katanya, pemain sayap Harimau Malaya itu menjalani proses pemulihan di rumah berada dalam keadaan lebih baik tetapi doktor menganggar ia mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan.

"Pengurusan Selangor FC akan memantau proses pemulihan dari semasa ke semasa. Alhamdulillah, Faisal seorang individu yang kuat semangat. Sikap positif membantunya pulih lebih awal.

"Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah juga menyatakan komitmen untuk bantu rawatan susulan dan Kerajaan Negeri sentiasa sokong usaha mempercepat proses rawatan Faisal," katanya pada 30 Mei.

Syarikat pemula teroka pasaran luar

SHAH ALAM - Lapan syarikat pemula tempatan yang dipilih Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) terus mengorak langkah penting dalam Program Pitch Malaysia 2024 di Tokyo, Jepun.

Sidec memaklumkan lapan syarikat itu ialah VirtualTech Frontier, Ejen2U, Zucca, Imagine AI, Vimigo, Voice For Health, Pay Recon dan Eventsize.

"Bermula dari 12 hingga 18 Mei, syarikat berkenaan menyertai tiga lawatan tapak industri, mengambil bahagian dalam dua persidangan utama serta terlibat dalam tiga sesi dan 10 pemodal terkemuka selain memanfaatkan tiga sesi rangkaian.

"(la) berkesan mempamerkan penyelesaian inovatif mereka dan mendapatkan peluang yang menjanjikan untuk pengembangan serta kerjasama," katanya.

Siasat kes cat biru cemari longkang

SHAH ALAM - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) membuka kertas siasatan bawah Seksyen 79(1)(c) Enakmen LUAS 1999 susulan penemuan aliran air berwarna biru di Sungai Kandis di sini pada 1 Jun.

Menurut agensi berkenaan, pihaknya menemui punca yang disyaki dari kawasan perindustrian di Jalan Ombloh di sini, iaitu kesan pembuangan cat berwarna biru.

"Semakan lanjut LUAS mendapati lopak air di kawasan tersebut berwarna biru dan aliran telah memasuki longkang berhampiran dan seterusnya mengalir ke Sungai Kandis.

"LUAS melakukan pensampelan kualiti air dan sampel tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis lanjut bagi tindakan penguatkuasaan," kata kenyataan di Facebook.

Dua DUN tawar saringan percuma

SHAH ALAM - Penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Sepat dan Seri Serdang berpeluang menyertai dua program saringan kesihatan percuma mulai 9 pagi hingga 3 petang.

EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin berkata Selangor Saringan di-adakan di Dewan Jubli Emas Kampung Endah, Kuala Langat pada 8 Jun dan Dewan Serbaguna MBSJ,

Subang Jaya (9 Jun).

"Ambil peluang ini untuk melakukan saringan kesihatan percuma bagi pemeriksaan fizikal, darah, urin, barah, mata, gigi dan lain-lain," katanya.

Beliau menggalakkan peserta digalakkan membuat prapendaftaran menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) ekoran ujian dibuat penilaian faktor risiko setiap individu.

Hubungi Selcare melalui talian

1-800-226-600 jika mengalami masalah berkaitan pendaftaran.

Sebanyak RM3.2 juta diperuntuk negeri dalam belanjawan tahun ini bagi meneruskan inisiatif berkenaan.

Program itu bertujuan membantu penduduk mengesan penyakit lebih awal dengan menyasar individu mempunyai sejarah perubatan keluarga, kegemukan dan mengamalkan gaya hidup tidak sihat.

Sungai Klang makin bersih

Sampah susut tiga kali ganda

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KLANG - Kutipan sampah di Sungai Klang susut 67 peratus daripada 16,000 tan metrik kepada 2019 kepada 5,800 tan metrik tahun lalu, kata EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim.

Katanya, pembersihan menggunakan mesin Interceptor 002 sebahagian usaha bawah Projek Gerbang Maritim Selangor kendalian Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) demi kelestarian Sungai Klang.

Beliau menjelaskan pembersihan Sungai Klang yang dijalankan ketika ini juga tidak hanya bergantung kepada Interceptor semata-mata sebaliknya

turut melibatkan proses penguatkuasaan.

"Setakat ini, kutipan sampah daripada Interceptor 002 mencatat penurunan 67 peratus. Biar pun memasuki tahun kelima, keadaan mesin masih dalam keadaan baik," katanya pada 28 Mei.

"Kita juga memasang perangkap sampah bersama pihak berkuasa tempatan dan memantau mutu air untuk mengesan punca pencemaran selain melaksana program kesedaran," katanya lagi.

Ir Izham juga memberitahu matlamat negeri untuk menambah baik kualiti air di sungai berkenaan belum tercapai sepenuhnya tetapi usaha

terus dipergiat saban tahun.

Sebelum ini, LLSB mengeluarkan 88,000 tan metrik sampah daripada Sungai Klang sejak 2016 sehingga Ogos 2023 menggunakan Interceptor 005 dan 002 serta tujuh perangkap sampah.

Dalam perkembangan lain, Ir Izham yakin projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) Selangor yang dibangunkan bagi menangani masalah gangguan bekalan air bakal beroperasi Ogos ini.

"Projek itu berjalan dengan baik dan dalam landasan betul untuk mencapai sasaran ditetapkan," katanya mengulas perkembangan projek berkenaan.

Kerajaan Negeri memperuntuk RM332 juta untuk menjayakan SJAM termasuk RM100 juta yang dikhususkan bagi menjamin operasi loji rawatan air jika berlaku pencemaran.



Seronok temui ulama terkemuka

SHAH ALAM - Peserta Festival Turath Islami Selangor bersyukur kerana berpeluang mengikuti perkongsian ilmu yang disampaikan barisan agamawan terkemuka pada program berkenaan.

Pelajar Syed Mohd Zein Wan Yusof, 21, menganggap kesempatannya menuntut ilmu di festival turath adalah rezeki yang tidak ternilai.

"Peluang untuk bertemu ulama ini susah dan hari ini ditakdirkan Allah SWT saya dapat hadir ke festival ini.

"Saya hadir ke festival ini juga untuk mengambil keberkatan kerana malaikat sentiasa mendoakan kita ketika berada di majlis ilmu," kata penuntut Madrasatul Quran Darussalamah.

Syed Mohd Zein merupakan antara ratusan peserta syarahan umum sempena Festival Turath Islami Selangor di

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 1 Jun.

Syukri Mohd Adam, 70, dari Aceh berkata kehadiran beliau untuk meraikan majlis ilmu bersama rakyat Selangor sebagai satu keluarga.

"Kalau di Aceh sudah menjadi kebiasaan majlis ilmu seperti ini kerana ada banyak masjid dan pondok anjur festival sebegini. Saya juga menyokong inisiatif

baik Kerajaan Selangor yang mendidik generasi muda mencintai ilmu," katanya.

Muhamad Haritsh Hanan, 21, kagum dengan syarahan yang disampaikan Mufti Aceh Tengku Faisal Ali yang jelas dan mu-

dah difahami.

"Saya hadir untuk lihat kupasan idola yang sangat disanjung bekas Mufti Mesir Syeikh Dr Prof Ali Jum'ah dan Tengku Faisal.

"Tertarik dengan gaya penyampaian kedua-dua tokoh ini kerana saya juga bercita-cita untuk menuntut di negara Timur Tengah," kongsi penuntut Kolej Inovatif, Cyberjaya itu.

Festival keilmuwan kali kedua yang membuka tirai 26 Mei hingga 2 Jun mengupas karya agung Hadis 40 Imam an-Nawawi dengan lebih mendalam selain 12 acara utama termasuk pameran manuskrip al-Quran berusia hampir 400 tahun.





PRIHATIN... EXCO Pembasmian Kemiskinan Papparaidu Veraman menyampaikan sumbangan kepada mangsa ribut di Kampung Sungai Manggis, Kuala Langat pada 30 Mei. Kejadian itu mengakibatkan beberapa pokok tumbang dan merosakkan dua kediaman. Foto Facebook Papparaidu Veraman

Manfaat untuk usahawan PLATS

Sedia pinjaman maju perniagaan

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) menawarkan skim pembiayaan khas kepada usahawan Platform Selangor (PLATS) untuk memajukan lagi perniagaan mereka.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pinjaman melalui PLATS Biaya sebanyak RM3,000 membantu mereka memperluas pasaran khususnya melalui kaedah pendigitalan.

Beliau menjelaskan skim itu hasil

kerjasama Hijrah Selangor dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI untuk usahawan dalam Latihan Pembangunan Usahawan Plats (U-PLATS).

"Pada peringkat awal, seramai 120 usahawan diberi pembiayaan RM3,000," katanya ketika melancarkan logo PLATS Biaya di sini pada 5 Jun.

Ketua pegawai eksekutif Hijrah Selangor pula menambah usahawan tersebut juga menerima caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri dan takaful tajaan agensi berkenaan.

Dato' Mearia Hamzah memberi-

tahu peniaga yang menerima PLATS Biaya boleh membuat bayaran balik secara ansuran selama setahun selain layak memohon pembiayaan tambahan melalui skim mikro kredit Hijrah Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBI Saipolyazan M Yusop pula berkata skim tersebut membantu menggerakkan ekonomi perusahaan mikro, kecil dan sederhana di negeri ini.

Tahun lalu, MBI memperkenalkan program U-PLATS bagi membantu usahawan menguruskan perniagaan secara digital melalui penglibatan 12 pihak berkuasa tempatan.

Negeri perkasa peranan wanita

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor tidak mengahad kuota 30 peratus wanita dalam pentadbiran negeri sebaliknya bilangan itu boleh berkembang dan penilaian dibuat dari aspek kualiti.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pemerkasaan wanita agenda penting negeri, bahkan sebahagian peruntukan disediakan bagi memajukan bakat golongan tersebut.

Beliau menambah wanita memainkan peranan penting dalam pentadbiran, justeru mereka diberi tanggungjawab dalam urus tadbir kerajaan sekali

gus mewujudkan kesaksamaan gender.

"Pada masa ini, pegawai daerah Petaling Jaya, Gombak dan yang dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya adalah wanita.

"Angka itu bukan sekadar mahu dicapai semata-mata sebaliknya melihat kualiti supaya garis panduan dan matlamat tercapai," katanya ketika melancarkan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026 di sini pada 31 Mei.

Menjelaskan dasar memperkasa wanita sejak 2017 memastikan mere-

ka tidak tercicir dari segi ekonomi dan sosial, Amirudin berkata Akademi Kepimpinan Wanita ditubuh bagi melahirkan lebih ramai pemimpin.

"Selangor bukan sekadar merangka dasar yang indah untuk dicatat tetapi memastikan fungsi dan tugas wanita terus relevan," katanya.

Dasar tersebut menekankan lima tumpuan iaitu pengarusperdanaan gender dalam pembangunan, ekonomi dan kehidupan, perwakilan dan kepimpinan, keselamatan dan kesejahteraan serta kreativiti dan inovasi.

Shahman YDP baharu MPS

GOMBAK - Shahman Jalaludin mengangkat sumpah jawatan sebagai yang dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang baharu.

Majlis tersebut disaksikan Timbalannya Adi Faizal Ahmad Tarmizi, Orang Besar Daerah Gombak Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Wan Mahmoof Pa'wan Teh, ahli majlis serta pengurusan tertinggi MPS di Bilik Siantan, Menara MPS di sini.

Shahman berkata beliau akan menumpukan visi MPS untuk mencapai status bandar raya menjelang 2030 selain menjadikan Selayang sebagai bandar rendah karbon dan bandar pintar.

"Begitupun saya pasti ia bukan sekadar cita-cita. Banyak cabaran dan rintangan kita bakal tempuhi selain perlunya rancangan rapi," katanya selepas angkat sumpah pada 5 Jun.

Tumpu isu sampah, lampu jalan

GOMBAK - Yang dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menyasar untuk menyelesaikan isu sampah, jalan tidak rata dan keadaan lampu jalan dalam tempoh 100 hari pertama pentadbirannya.

Shahman Jalaluddin berkata pihak berkuasa tempatan itu menfokuskan isu berbangkit berkaitan infrastruktur tersebut selain meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat melalui pendigitalan.

"Perkara ini antara keutamaan saya. Selain itu, kita melaksanakan beberapa perancangan jangka pendek dan panjang yang akan membabitkan pengurusan tertinggi MPS dan ahli majlis.

"Ini merupakan keutamaan dalam 100 hari pentadbiran, saya akan fokus kepada kawasan kritikal. Insya-Allah, MPS akan mengatasi isu yang berbangkit sekaligus mengurangkan jumlah aduan yang diterima," katanya pada 5 Jun.

KDEBWM sedia 384 tong sampah pukal

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) menyediakan tong sampah pukal (Roro) di 384 kawasan dalam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Agensi itu memaklumkan inisiatif dengan kerjasama MBSA itu bagi memudahkan orang ramai membuang barangan terpakai sempena sambutan Aidiladha.

"Penyediaan tong RORO ini akan diletakkan secara berperingkat (tiga fasa) sekitar Seksyen 2, 3, 4, 5, 6, 8 dan 13 selama tiga hingga lima hari yang bermula sejak pada 27 Mei hingga 15 Jun," maklumnya di Facebook pada 4 Jun.

KDEBWM turut memaklumkan, urusan permohonan bantuan kutipan sampah pukal, pertanyaan dan sebarang aduan boleh dibuat melalui aplikasi iClean Selangor.

Pelan tindakan mesra kana-kanak

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan Pelan Tindakan Bandar Raya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya (PJ CFI) 2030 bagi menyediakan persekitaran selamat, sejahtera, inklusif dan mesra.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata pelan itu dilaksana bagi memenuhi matlamat Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bawah teras keterangkuman dan kesejahteraan sosial.

"Pelan ini dirangka dengan menumpukan empat bidang fokus utama iaitu perancangan bandar, penglibatan kanak-kanak, perubahan iklim dan kebajikan.

"Ia juga untuk mendedahkan kanak-kanak terlibat dalam proses perancangan dan pengurusan bandar," katanya pada 4 Jun.

LZS pantas bantu mangsa kebakaran

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyantuni empat keluarga yang kehilangan tempat tinggal akibat kejadian kebakaran di Taman Paya Jaras Permai, Sungai Buloh, baru-baru ini.

LZS memaklumkan sumbangan tunai diserahkan Operasi Agihan Daerah Petaling di pusat pemindahan sementara Dewan MBSA Seri Pagi di sini.

"Sebanyak empat rumah terjejas dalam kebakaran tersebut. Dua rumah tidak boleh diduduki kerana kerosakan teruk dengan anggaran kemusnahan 70 hingga 90 peratus.

"Manakala dua buah rumah tidak boleh diduduki kerana tiada bekalan elektrik. Mudah-mudahan dengan hasil kutipan zakat dari pengeluar zakat dapat meringankan beban yang dihadapi," katanya menerusi Facebook.

RM50,000 modal niaga untuk wanita

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) menawarkan bantuan modal sehingga RM50,000 kepada usahawan wanita negeri ini yang ingin berniaga kecil-kecilan.

Agensi itu memaklumkan pembiayaan bawah skim Niaga Darul Ehsan (NaDI) itu boleh dipohon menerusi pautan mikrocredit.selangor.gov.my

"Khusus untuk usahawan wanita di Selangor Darul Ehsan. Terbuka kepada wanita yang ingin memulakan perniagaan kecil-kecilan. Tawaran Skim Pembiayaan Niaga Darul Ehsan (NaDI) sehingga RM50,000.

"Pemohon juga boleh mengimbas kod QR pada poster untuk memohon atau hubungi cawangan Hijrah Selangor berdekatan untuk maklumat lanjut," maklumnya.

Latih pelajar mahir pelbagai bidang

SHAH ALAM - Media Selangor Sdn Bhd (MSSB) memeterai usaha sama dengan Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) bagi menyediakan pelajar berkemahiran industri dalam pelbagai bidang.

Menurut Presiden MSU Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, kerjasama mem-babitkan Fakulti Sains Infor-masi dan Kejuruteraan (FISE) membantu kebolehpasaran pe-la-jar melalui kepakaran MSSB.

"Pemilihan kerjasama dengan MSSB dibuat berikutan MSSB ada kepakaran dalam pelbagai bidang bersesuaian dengan pelajar FISE terutamanya da-



lam grafik media.

"Saya percaya penglibatan MSSB membantu memperkasa bakat pelajar khususnya di Selangor sekali gus membantu memperkembang industri media di negeri ini," katanya baru-baru ini.

Pertukaran memorandum persefahaman (MoU) disempurnakan Ketua Kluster Operasi dan Strategik MSSB Mohd Zulkifli Ismail dan Dekan FISE Profesor Dr Adam Amril Jaharadad sambil disaksikan Dr Mohd Shukri.

Program bersempena penutupan Ekspo Penjana Semula Idea (iReX)

yang dijayakan pelajar tahun akhir FISE bagi mencungkil bakat dalam bidang inovasi dan teknologi.

Mohd Zulkifli yang mewakili ketua pegawai eksekutif MSSB berkata pihaknya berbesar hati menjalin kerjasama dengan institut pengajian tinggi khususnya dalam pengurusan bakat.

Katanya, MSSB merangka peluang dan potensi dengan universiti tempatan lain sebagai inisiatif strategik untuk jangka masa panjang sempena ulang tahun ke-15 organisasi media negeri itu.

"Ini inisiatif strategik yang telah kita rancang untuk jangka sederhana dan panjang iaitu untuk kita jalin kerjasama dengan universiti tempatan," katanya.

Sertai program Madani di Kuala Selangor

Hadiah isteri kereta cabutan bertuah

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Pemenang hadiah utama cabutan bertuah Program Madani Rakyat 2024 di Kuala Selangor berhasrat menghadiahkan kereta yang dimenangi kepada isterinya.

Ahmad Zulkhairi Muhammad, 36, bersyukur dengan rezeki diraih pada Februari lalu kerana boleh menggantikan kereta isterinya Norsyafira Aisyah Husain, 31, yang digunakan hampir 10 tahun.

Pengurus kilang itu berkata isterinya yang bekerja di Kuala Selangor terpaksa berulang kira-kira 100 kilometer dari kediaman mereka di Felda Sungai Ten-



gi, Hulu Selangor setiap hari.

"Dengan hadiah ini, bolehlah isteri gunakan kereta ini kerana sekarang dia berulang alik dengan kereta yang sudah agak lama.

"Memang langsung tidak sangka nama saya akan naik ketika cabutan dibuat kerana seumur hidup belum pernah menang hadiah cabutan bertuah walaupun hadiah kecil," katanya lagi.

Majlis penyerahan disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di bangunan pentadbiran negeri pada 29 Mei.

Menyertai program itu untuk melihat Datuk Seri Anwar Ibrahim secara langsung, beliau tidak menyangka

dapat bersalaman dengan perdana menteri apabila diumumkan sebagai pemenang utama.

"Bukan saja dapat bersalaman, malah perdana menteri ada tanya soalan, asal dari mana. Memang betul-betul rezeki bukan hanya jumpa beliau tapi dapat pula hadiah besar (kereta)," katanya.

Program Madani Rakyat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor pada 23 hingga 25 Februari lalu diserikan dengan pelbagai acara menarik kepada pengunjung.

Acara itu kesinambungan Program Setahun Bersama Kerajaan Madani yang menjadi wadah bagi memperoleh maklumat 163 perkhidmatan kerajaan persekutuan, negeri dan agensi berkaitan.

Jimat belanja dapur RM200 sebulan

SEPANG - Penganjuran Jualan Ehsan Rahmah (JER) meringankan perbelanjaan dapur penduduk berpendapatan rendah khususnya keluarga yang bilangan ahlinya besar.

Ibu enam anak Norkintan Sulaiman, 48, bersyukur berikutan program berkenaan membantu beliau berjimat sekurang-kurangnya RM150 hingga RM200 setiap bulan.

"Sebelum ini setiap bulan perbelanjaan makanan sekurang-kurangnya RM500 hingga RM600 tetapi sejak berbelanja di jualan ini, saya boleh jimat sekitar RM150 hingga RM200 setiap bulan.

"Saya sanggup pergi hingga ke Bukit

Changgang yang jaraknya kira-kira 30 kilometer dari sini untuk ikuti jualan murah ini," katanya dalam program JER di Kota Warisan di sini baru-baru ini.

Saifullah Sohi, 45, yang mempunyai lima tanggungan yang pertama kali ke program itu juga teruja kerana harga barangan berpatutan, bahkan jauh lebih murah berbanding nilai pasaran.

"Selepas ini saya mahu berbelanja di JER. Untuk amaun sama setiap bulan di pasar raya sebelum ini, saya dapat lebih barangan yang dibeli apabila di sini," katanya yang bekerja sendiri.



Pesara Zamri Ahmad, 57, yang beberapa kali ke jualan murah anjuran Kerajaan Selangor turut memuji mutu barangan jualan yang disifatkannya setanding di pasar raya.

"Jangan ingat harga murah kualiti teruk. Kualitinya setanding pasar raya. Jadi, untuk sesiapa yang belum pernah beli, boleh cuba dan nilaikan sendiri. Anda mesti mahu datang lagi.

"Bagi mereka yang ramai tanggungan ia memang sangat membantu kerana penjimatan yang diperolehi lebih banyak barangan dapat dibeli," katanya lagi.



Sambutuan luar biasa

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **AHMAD ZAKKI JILAN & REMY ARIFIN**

Melabuhkan tirai pada 2 Jun setelah lapan hari membedah pemikiran ulama besar Imam an-Nawawi, Festival Turath Islami Selangor (FTIS) kali kedua mendapat sambutan hangat luar biasa.

Berbanding acara sulung selama enam hari bermula 20 Mei, festival tahun ini ditambah baik dengan syarahan lengkap Hadis 40, pameran manuskrip Islam di alam Melayu dan juga majlis selawat.

Ribuan menadah kitab di depan bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab selama lima hari bermula 26 Mei di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Acara mengkhatam kitab ulama itu dan pengijazahan sanad menarik lebih ramai peserta khususnya siswa, pelajar pondok dan warga emas menghadiri program yang berakhir pada malam 30 Mei.

Peserta termasuk dari Indonesia, China dan Mesir bersyukur dapat menghayati pelbagai majlis menarik khususnya mendalami mutiara ilmu Yahya Sharaf an-Nawawi, tokoh besar fiqah mazhab Syafie (**lihat muka surat 16**).

"Sambutuan kali ini lebih baik dan menggalakkan berbanding

tahun lalu. Kelebihan ini antaranya, ketika perancangan, festival dianjurkan pada cuti sekolah," kata Pengerusi Sekretariat FTIS Ammar Gazali.

"Tahun lepas kita buat semasa hari bekerja. (Tahun ini) ibu bapa termasuk dari luar Selangor membawa anak-anak hadir pengajian dan pameran. Jadi penganjuran pada cuti sekolah adalah faktor yang tepat."

Tahun lalu Dr Ali Jum'ah, ulama terkenal Universiti al-Azhar, menghurai pemikiran Imam al-Ghazali dan kitabnya Ihya Ulumuddin. Prof Dr Said Aqil Siradj (Indonesia), Baba Ghazali Ahmad (Thailand) dan Prof Emeritus Dato Dr Osman Bakar (Malaysia) turut mengukuhkan lagi huraian kitab ulama itu.

Selain mereka, tokoh lain yang diminati peserta tahun ini termasuk Dr Adi Hidayat (Indonesia), Habib Jindan Novel Salim Jindan (Indonesia) dan Habib Ali Zaenal Abidin al-Hamid (Malaysia).

Dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1 Jun, lima sesi perbincangan kitab Riyadus Salihin, satu lagi kitab an-Nawawi, turut disertai Dr Adi Hidayat dan Habib Jindan.

Baba Ghazali dan Habib



Ali antara enam tokoh yang membantu perbincangan Hadis 40. Sebagai pembuka festival dan daya tarik utama, daurah kitab ini dirasmikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 26 Mei.

Konsert meriah

Pameran al-Wahyu: Tradisi Keilmuan Islam Alam Melayu memaparkan lebih 20 manuskrip termasuk al-Quran tulisan tangan ulama tersohor Aceh, Syeikh Nuruddin al-Raniri, berusia 400 tahun.

Selain kitab suci dan ilmu asas agama, ia turut mempamerkan naskah perubatan, astronomi, kesusasteraan, persenjataan dan warkah hubungan diplomasi sepanjang festival.

Ts Dr Ros Mahwati Ahmad Zakaria daripada Universiti Kebangsaan Malaysia ditugaskan sebagai kurator pameran tersebut yang dirasmikan EXCO Agama Dr Mohammad Fahmi Ngah.

Ribuan orang awam, selain peserta, menghayati manuskrip bersejarah termasuk al-Quran bertinta emas, teks Hikayat Hang Tuah berusia 200 tahun dan kitab cara membuat keris.

Sebagai penutup pula, FTIS menganjurkan majlis zikir dan selawat selama dua malam dengan membawa kumpulan terkenal

Ikhwah Abu Shaar (Syria) dan Majelis Azzahir (Indonesia).

Lautan puluhan ribu manusia membanjiri konsert Alunan Mahabbah pada 1 Jun dan keesokannya Darul Ehsan Berselawat & Maulid Akbar di Dataran Karnival, Stadium Shah Alam.

Selain kehadiran Dr Ali Jum'ah yang menjadi tonggak ilmu, Perdana Menteri dan Dato' Menteri Besar duduk sebentar memeriahkan lagi acara malam terakhir.

Bercakap kepada Selangorkini pada 4 Jun, Ammar berkata Majelis Azzahir dari Pekalongan, Jawa Tengah dan beberapa tokoh kumpulan selawat ini sering mendapat perhatian ramai.

"Acara ini memang ada peminatnya yang tersendiri. Apabila kumpulan dari Pekalongan itu hadir, ia menambah publisiti program tersebut. Kehadiran tokoh terkenal termasuk Habib Jindan dan Habib Ali memeriahkan lagi majlis," katanya.

Selain kehadiran ramai di setiap sesi, program ini turut disiarkan secara langsung dari Masjid Negeri, Shah Alam melalui beberapa media sosial termasuk Media Selangor dan Nurflix.

Susulan kejayaan FTIS 2024 dan berdasar maklum balas orang ramai, tambah Ammar, festival itu akan diteruskan dengan beberapa cadangan lebih menarik.

Barakah majlis ilmu

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL, SITI ROHAIZAH ZAINAL, SHEEDA FATHIL & ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **REMY ARIFIN & MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN**

Menghimpunkan lebih 20 ulama terkenal dan sarjana Islam termasuk dari Mesir, Thailand dan Indonesia, Festival Turath Islami Selangor 2024 melabuhkan tirainya.

Berlangsung antara 26 Mei hingga 2 Jun, perhimpunan lapan hari itu menyaksikan pengajian lengkap kitab tersohor Hadis 40 karya Imam an-Nawawi, tokoh ulama ahli sunnah dan mazhab Syafie yang dikenali seluruh dunia.

Imam an-Nawawi dan karyanya, termasuk kitab hadis Riyadus Salihin, diangkat sebagai tema kali ini. Tahun lepas, festival ini mengangkat Imam al-Ghazali dan kitabnya Ihya Ulumuddin.

Festival turath membuka peluang kepada peserta khatam Hadis 40 di depan bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab, selain mendengar sebahagian tema daripada lebih 1,800 hadis Riyadus Salihin.

Festival yang berlangsung di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam turut mempamerkan manuskrip al-Quran, kitab agama dan kemajuan peradaban alam Melayu.

Menariknya tahun ini, Selangor menampilkan kumpulan nasyid popular Ikhwah Abu Shaar (Syria) dan Majelis Azzahir (Indonesia) mendendangkan puji-pujian kepada Allah dan rasul-Nya.

Peserta yang menghayati pelbagai acara melahirkan rasa syukur dapat mendalami ilmu sepanjang festival ini.

DAURAH HADIS 40

"Ini pertama kali saya datang, ia menarik dan ilmu dikongsi amat luar biasa. Antara dikongsi ialah dalam Islam ada pelbagai fahaman dan pentingnya kita faham serta dapat

membezakannya."

Muhammad Fauzi Amir Shah, 26, dari Medan, Indonesia

"Semoga inisiatif Kerajaan Negeri ini diteruskan lagi pada masa akan datang, merupakan

pendekatan yang amat bagus untuk umat Islam memantapkan lagi ilmu warisan Islam."

Ishak Othman, 52, dari Pulau Pinang

SEMINAR RIYADHU AS-SALIHIN



"Seminar ini dapat membuka mata masyarakat bahawa kitab lama perlu dipelajari dan memberi faedah kepada umat Islam.

Alhamdulillah saya bersyukur, harapan tahun depan ada lagi supaya kami dapat datang lagi (bertalaqqi). Insya-Allah, selepas ini saya akan mengulangkaji dan menulis balik apa yang

disyorkan."

Muhammad Irfan Muhammad Zaki, 20, dari Kedah

"Saya hadir hari ini untuk Seminar Penghayatan Riyadhu as-Salihin. Pertama saya ucap tahniah kepada Selangor kerana mengadakan festival seperti ini, untuk menaikkan balik semangat masyarakat untuk mengkaji, membaca dan kembali kepada kitab-kitab turath.

Sebab pengarang kitab-kitab turath ini bukan calang-calang. Orang yang menguasai pelbagai bidang seperti Imam An-Nawawi.

Berbeza sekarang ramai ulama, tapi tidak menguasai bidang yang menyeluruh."

Asyraf Ismail, 51, dari Perak

PAMERAN AL-WAHYU



"Saya datang sini bersama sekumpulan rakan sebenarnya mahu melihat keindahan masjid ini tetapi kebetulan pemandu pelancong kami bawa ke pameran ini.

Ia sesuatu yang amat unik apabila tulisan arab al-

Quran ditulis menggunakan tangan."

Che Guo, 30, dari China

"Ini kali pertama ada Pameran al-Wahyu pameran manuskrip tokoh Melayu. Sangat menarik, cuma koleksi

terhad.

Mungkin tahun akan datang boleh perbanyakkan lagi selain selitkan pengisian seperti pertandingan bagi menarik lebih pengunjung."

Srie Azrina Zulkifli, 40, dari Selangor

HIMPUNAN ILMUAN MUDA TIMUR TENGAH



"Teruja dan terharu hampir menitikkan air mata dapat berjumpa sebab kita tahu beliau (Dr Ali Jum'ah) adalah ulama besar. Beliau banyak menasihati pada kami supaya terus mencari ilmu" **Muhammad Mukrim Zulkifli, 22, dari Negeri Sembilan**

Sembilan

"Sangat seronok dapat bertemu dengan syeikh (Dr Ali Jum'ah) yang mana kita tahu ulama besar, kemudian saya juga diajak bersama dengan kawan-kawan memperkenalkan syeikh ini macam mana. Terjemahan dengan teknologi terkini bolehlah faham apa yang syeikh sampaikan,"

Atira Syamimi, 21, dari Selangor

KONSERT DAN DARUL EHSAN BERSELAWAT



"Satu selawat, Allah akan berselawat kepada kita 10. Rahmat juga akan mencurah-curah kepada bumi. Harap orang (muslim) di Selangor sering berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW"

Muhammad Sudi Maulana Al Falah, 32, dari Selangor

"Saya datang sebab rasa membuak, dia beri kebaikan kepada kita semua, dapat pahala sama-sama. Paling menarik bila cuti sekolah ini boleh bawa anak. Saya pun kenal sangat kumpulan Abu Shaar Bro dari Mesir ni. Dapat tahu kumpulan tersebut datang ke Selangor terus saya datang ke sini."

Nurhulwanis Zailani, 21, Shah Alam





Foto BERANAMA

Minat sains merosot



Penyelidik di Universiti
Teknologi Mara,
DR ZAMIR MOHYEDIN
seorang ahli fizik yang
menulis lapan buku

Kebelakangan ini kita digemparkan dengan dua jenis berita yang berkaitan iaitu minat terhadap bidang STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) semakin merosot dan negara kita masih kekurangan jurutera dan saintis.

Isu ini bukan perkara baru, malah telah dibangkitkan beberapa tahun lepas. Saban tahun, isu ini sering diketengahkan.

Sejak dari 2012 hingga 2022, pelajar yang mengikuti aliran sains jatuh dari 48 peratus kepada 40.9 peratus.

Pada tahun lepas, sebanyak 15.2 peratus sahaja pelajar tingkatan tiga yang memilih aliran sains untuk ke tingkatan empat.

Sejak dari 1967 lagi kerajaan mensasarkan sebanyak 60 peratus pelajar untuk mengikuti aliran sains, 40 peratus lagi mengikuti aliran sastera dan kemanusiaan. Tetapi sasaran ini tidak tercapai, malah merosot.

Kebimbangan yang ditimbulkan oleh pihak kerajaan berkenaan hal ini ada asasnya. Kurangnya pelajar yang mengambil aliran sains akan menatijahkan negara kita kekurangan orang berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal di masa hadapan.

Suatu hari nanti negara kita akan berhadapan dengan krisis kekurangan tenaga kerja profesional.

Apakah puncanya perkara ini terjadi? Banyak kajian dan tinjauan telah dibuat. Punca utamanya berkait dengan minat dan seputar hal pekerjaan.

Tidak dapat tidak, pelajar memilih suatu bidang dengan harapan bidang tersebut memberikan murid peluang pekerjaan yang cerah.

Ramai murid tidak memilih aliran sains kerana mereka tidak jelas masa depan dalam bidang sains.

Mereka tidak mengetahui peluang pekerjaan yang boleh diceburi apabila memilih bidang sains. Tuntas, tidak berminat untuk masuk ke aliran sains.

Tidak cukup sekadar itu, bidang sains sering dimomokkan sebagai bidang yang susah dan tidak menarik. Lebih-lebih lagi subjek fizik dan matematik tambahan.

Tidak setimpal

Idea matematik tambahan merupakan subjek paling susah sudah mula menghantui murid sejak zaman saya bersekolah lagi iaitu lebih 10 tahun lalu. Stigma ini sedikit banyak menyumbang kepada pengurangan kemasukan murid ke aliran sains.

Selain itu, STEM sebagai subjek yang susah juga boleh membawa kepada kemerosotan prestasi murid. Kajian mendapati, persepsi kita terhadap suatu subjek mempengaruhi prestasi kita.

Lazimnya, subjek yang kita anggap susah membuatkan kita tidak minat dengan subjek tersebut. Tidak minat akan memberikan impak kepada prestasi pula.

Natijahnya, prestasi subjek STEM yang lemah tidak akan membawa murid untuk menyambung bidang STEM di peringkat pengajian tinggi.

Kajian juga mendapati murid yang memasuki aliran sains dan cemerlang dalam subjek STEM pun tidak menjamin mereka menyambung bidang STEM ke peringkat pengajian tinggi.

Ia mungkin dipengaruhi oleh faktor minat ataupun tidak jelas dengan hala tuju pekerjaan dalam bidang STEM.

Berbalik kepada isu pekerjaan tadi, terdapat juga isu pendapat dalam bidang STEM tidak begitu memberangsangkan.

Isu ini telah dibangkitkan sejak sekian lama yang mana gaji bidang STEM tidak setimpal dengan tahap dan tempoh masa bekerja yang kadangkala melebihi masa.

Lazimnya isu pendapat tidak setimpal ini

tertumpu pada pekerjaan sebagai jurutera.

Menyentuh tentang jurutera, terdapat isu lain yang boleh kita ketengahkan. Jika kita telusuri perbualan netizen, sebahagian mereka berpendapat isu merosotnya kemasukan murid ke aliran STEM kerana peluang pekerjaan dalam bidang ini tidak begitu tinggi.

Realitinya, jika kita lihat di laman cari kerja seperti LinkedIn dan Job Street peluang pekerjaan dalam bidang STEM sangat banyak tetapi hanya tertumpu pada dua kategori sahaja iaitu kejuruteraan dan matematik (statistik dan data).

Bagaimana dengan fizik, kimia dan biologi? Hampir susah untuk mencari pekerjaan kosong yang berkaitan.

Saya berpendapat, ini pun antara punca utama mengapa kurangnya murid memasuki aliran sains dan tidak menyambung bidang STEM di peringkat pengajian tinggi.

Laporan akhbar baru-baru ini bimbang jika negara kekurangan saintis suatu hari nanti. Namun, peluang pekerjaan dalam bidang penyelidikan sangat kurang.

Kita cuma banyak permintaan dalam bidang kejuruteraan. Sebab itulah negara kita mengalami penghijrahan sarjana (brain drain) kerana sarjana-sarjana ini tidak dapat menyumbang kepakarannya di negara sendiri.

Jika suatu hari nanti Malaysia berhadapan dengan krisis kekurangan tenaga kerja profesional dan teknikal, negara kita akan terbantut untuk bergerak menjadi negara maju.

Antara piawai utama untuk menjadi negara maju ialah perkembangan teknologi dan penyelidikan yang memerlukan pakar sains itu sendiri.

Menurut kajian, kurangnya pakar suatu hari nanti bukan sahaja membantutkan kemajuan negara, malah membantutkan perkembangan ekonomi dan kualiti hidup rakyatnya.

Teknologi perubatan, teknologi tenaga, teknologi pengangkutan dan lain-lain semuanya boleh meningkatkan kualiti hidup rakyat. Tanpa pakar dalam bidang STEM, negara kita akan jauh terkebelakang di masa hadapan.



Pengunjung membelek buku Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) pada 30 Mei. Buku itu paling laris di reruai IBDE sepanjang pesta buku



Borhan dan Pengarah PPAS Datin Paduka Mastura Muhamad bersama petugas beberapa agensi perumahan dan hartanah Selangor ketika melawat reruai Pavilion Selangor pada 25 Mei



Meminati karya dan perbahasan sastera, Dato' Menteri Besar mendeklamasikan puisi Pahlawan Buana nukilan Ladin Nuawi pada Malam Baca Puisi Pena @ PBAKL pada 1 Jun



Anfaal berkongsi pandangan dalam sesi bual bicara bertemakan kelestarian alam dan tanggungjawab sosial di Pavilion Selangor ketika pesta buku Kuala Lumpur pada 28 Mei



Pengunjung Pavilion Selangor mendengar sesi bual bicara melibatkan Najwan dan Pengerusi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Selangor Mohd Hidayat Mohd Sauffi pada 1 Jun



Fauzan Azim Asri dari Selangor FC menjual pelbagai jenis jersi pasukan Gergasi Merah di reruai Pavilion Selangor ketika pesta buku Kuala Lumpur pada 1 Jun



Peminat buku meneliti beberapa karya menarik di reruai IBDE pada 30 Mei. Dibiayai dana Kerajaan Negeri, lebih 80 judul terjemahan karya agung dunia dijual sejak 2016



Perdana menteri menerima Bintang Merah di Langit Malaya dan Hikayat Merong Mahawangsa daripada Amirudin ketika melawat Pavilion Selangor selepas merasmikan pesta buku pada 30 Mei. Turut serta, Menteri Pendidikan Fadhlna Sidek (dua, kanan), timbalannya Wong Kah Woh (kanan), Pengerusi Pengelola PBAKL Mohd Khair Ngadiron (kiri) dan Mastura

Maju bersama buku

Bermula kali pertama pada 1981, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) ke-41 menarik lebih 1.8 juta pengunjung. Berlangsung antara 24 Mei hingga 2 Jun di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, ia menyediakan 972 reruai untuk 241 pempamer termasuk dari Iran, India, China, Taiwan, Singapura, Thailand dan Filipina. Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) menyertai PBAKL dengan mendirikan Pavilion Selangor bertema perumahan dan hartanah, kelestarian alam serta pendidikan. Memuatkan maklumat inisiatif Kerajaan Negeri, reruai itu menerima kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor Dato' Seri Amirudin Shari, tiga EXCO Borhan Aman Shah, Najwan Halimi dan Anfaal Saari. Lensa AHMAD ZAKKI JILAN merakam kemeriahan PBAKL tahun ini. Turut dimuatkan foto daripada Facebook PPAS dan Facebook Amirudin Shari. Keterangan foto oleh HAFIZAN TAIB.



Sabiluzuhdi Zahari, 22, (dua, kanan) dan adiknya Syamil, 20, tertarik dengan buku 40 Hadis Imam Nawawi terbitan IBDE pada 1 Jun. Penerbit mendapat geran Kerajaan Negeri



Seorang bapa mendapatkan maklumat mengenai Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC) ketika melawat Pavilion Selangor pada 30 Mei



Pengunjung dari Teluk Intan, Perak Mohd Fadli Mohd Asnawi mencuba destar ketika mengunjungi Pavilion Selangor pada 1 Jun. Produk ini dipamer di reruai Komuniti Betia Selangor (SAY)



Kanak-kanak boleh bermain di reruai Pavilion Selangor di pesta buku Kuala Lumpur pada 30 Mei. Reruai ini mempromosi pelbagai agensi negeri termasuk PPAS



Popular dengan lagu Lemak Manis, Roslan Madun berkongsi pengalaman sebagai penyanyi lagu rakyat Pahang di Pavilion Selangor. Lagu ini dapat sambutan semula di media sosial



Pengunjung menyaksikan dron semburan untuk kerja tani model F16 yang dipamerkan di reruai Pavilion Selangor sempena pesta buku Kuala Lumpur pada 30 Mei



Pencinta buku tidak melepaskan peluang mendapatkan bahan bacaan murah dengan harga potongan, antaranya tiga buah buku RM80, di PBAKL pada 30 Mei

Hebatnya novel Islam

Daripada cerita kanak-kanak yang memikat kepada kedalaman perbincangan falsafah dan tasawuf, begitulah hebatnya Hayy Ibn Yaqzan diolah oleh ulama terkenal Abu Bakar Muhammad Ibnu Tufail dari Andalusia, Sepanyol.

Novel ini dikatakan mencetuskan ilham tiga novel popular Eropah: pelaut hanyut Robinson Crusoe, budak bernama Mowgli dalam The Jungle Book dan Tarzan of the Apes.

Tiga watak ini masing-masing dihasilkan Daniel Defoe pada 1719, Rudyard Kipling (1894) dan Edgar Rice Burroughs (1912).

Namun, asalnya, Ibnu Tufail cuba merangkul pemikiran bertentangan antara falsafah Ibnu Sina, al-Farabi dan Ibnu Bajjah yang dipengaruhi hujah Aristotle dengan tasawuf Imam al-Ghazali.

Tiga watak dalam novelnya Hayy, Absal dan Salaman diambil daripada kitab Ibnu Sina dengan mengadunkan idea dalam Misykatul Anwar karya al-Ghazali.

Eropah memandang tinggi Hayy Ibn Yaqzan hingga saat ini sejak terjemahan kepada bahasa benua tersebut disambut hangat mulai kurun ke-17.

Susulan itu Kerajaan Negeri melalui Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) menugaskan Mohamad Razif Mohamad Fuad, 34, menterjemah teks penting ini daripada buku Falsafah Ibn Tufail wa Risalatuh karangan Dr Abdul Halim Mahmud, mantan syeikh al-Azhar.

Mohamad Razif, lulusan sarjana Usuluddin dan Perbandingan Agama dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, menceritakan pengalaman menterjemah Hayy Bin Yaqzan kepada wartawan NADIAH ZAMLUS pada 15 Mei.

Kenapa pilih buku ini untuk diterjemah?

Saya berkenalan dengan karya Hayy Bin Yaqzan hampir 12 tahun lalu, ketika masih berada di peringkat sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Sebagai mahasiswa dalam bidang pengajian akidah dan agama, antara subjek wajib kami adalah teks-teks falsafah.

Dengan panduan daripada pensyarah saya pada ketika itu, Dr Mohd Nasrin Nasir, kami menekuni teks-teks falsafah klasik Arab tulisan al-Kindi, al-Farabi, Ibnu Rushd, dan lain-lain termasuk Ibnu Tufail.

Hayy Bin Yaqzan juga antara teks yang pernah disebut oleh Prof Dr Mohd Radhi Ibrahim, pensyarah saya semasa kami berbual-bual pada ketika itu.

Beliau galakkan kami baca. Cuma pada ketika itu, pemahaman mungkin agak terhad dan berbeza dengan pemahaman 12 tahun kemudiannya selepas saya kembali menelaah teks ini.

Hayy Bin Yaqzan adalah salah satu karya falsafah dan sastera yang paling penting dalam sejarah Islam dan dunia.

Ditulis oleh Ibnu Tufail, seorang ahli falsafah, doktor, dan ahli astronomi Muslim pada abad ke-12, karya ini menggabungkan elemen-elemen falsafah, teologi, tasawuf dan sains.

Buku ini memberikan wawasan yang mendalam tentang pemikiran Islam klasik dan bagaimana ia berinteraksi dengan idea-idea falsafah Yunani.

Cerita tentang Hayy Bin Yaqzan, seorang anak yang membesar sendirian di sebuah pulau terpencil dan mencapai pencerahan melalui pemikiran dan pemerhatian alam, adalah sebuah alegori yang kuat mengenai pencarian makna ilmu dan kebenaran.

Ia menginspirasi pembaca untuk merenung tentang proses pembelajaran dan penemuan makna diri. Ia tema yang universal, rentas agama dan bangsa serta tetap relevan hingga hari ini.

Menterjemah karya ini ke bahasa Melayu cara untuk memperkayakan literatur tempatan dengan karya klasik yang berpengaruh.

Ia juga memberikan peluang kepada pembaca berbahasa Melayu untuk mengakses dan memahami salah satu karya penting dalam tradisi falsafah Islam tanpa batasan bahasa.


Ini penting untuk pendidikan dan penyebaran ilmu dalam kalangan masyarakat Melayu. Buku ini tidak hanya menarik dari segi cerita dan falsafahnya, tetapi juga memberikan konteks sejarah mengenai perkembangan ilmu dalam dunia Islam pada masa itu.

Dengan menterjemahkannya, saya berharap dapat menyumbang kepada pengembangan ilmu dan pemahaman tentang sejarah intelektual dan budaya yang kaya dalam dunia Islam.

Saya telah baca beberapa naskhah terjemahan Hayy Bin Yaqzan dalam bahasa Indonesia, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Ada beberapa kelemahan yang saya fikir, boleh saya baiki

“**Hikayat Hayy Bin Yaqzan: Manusia Asuhan Rusa mengajar kita tentang keikhlasan dalam mencari kebenaran dan hubungan yang mendalam dengan Tuhan**”



dengan terjemahan saya ini. Saya tidak katakan Hayy Bin Yaqzan terbitan IBDE ini sempurna, tetapi saya dan kumpulan editor sentiasa memastikan ia hampir kepada kesempurnaan.

Bagaimana proses awal menterjemah buku ini?

Proses awal menterjemah buku ini memang memerlukan beberapa langkah yang teliti. Saya melakukan kajian dan penyelidikan mendalam terhadap beberapa teks asal berbahasa Arab.

Saya juga membaca bahan-bahan sekunder untuk memahami konteks sejarah dan budaya penulisan karya ini. Setelah penelitian dibuat, saya memilih teks yang dimuatkan oleh Syeikh Dr Abdul Halim Mahmud, mantan Syeikhul Azhar dalam kitabnya Falsafah Ibn Tufail wa Risalatuh.

Apa cabaran menterjemah karya sama ada dari segi bahasa dan lain-lain?

Pertama sekali, dari segi bahasa, adalah cabaran untuk mengekalkan keaslian dan keindahan langgam penulisan Ibnu Tufail.

Beliau menggunakan bahasa Arab klasik dengan struktur dan istilah yang kadang-kala sukar untuk diterjemahkan secara langsung ke bahasa Melayu dengan mengekalkan makna asal.

Salah satu contohnya adalah penggunaan istilah falsafah dan teologi yang khusus dalam bahasa Arab. Beberapa istilah tersebut tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa Melayu.

Saya perlu mencari perkataan yang paling hampir maknanya atau menjelaskan konsep tersebut dalam nota kaki atau kurungan untuk memastikan pembaca memahami maksudnya.

Satu lagi cabaran adalah memastikan terjemahan itu mudah difahami oleh pembaca berbahasa Melayu tanpa mengorbankan struktur perbincangan falsafah dalam karya asal.

Boleh jadi karya ini dibaca oleh pelajar sekolah, mahasiswa universiti, ahli akademik atau sesiapa sahaja. Saya perlu menyeimbangkan antara kepatuhan kepada teks asal dan “kemesraan” kepada pembaca pelbagai latar belakang.

Alhamdulillah saya banyak dibantu dan dibimbing oleh barisan editor berpengalaman IBDE bagi merealisasikan penterjemahan karya ini

Apakah ilmu baharu yang penterjemah peroleh ketika proses terjemah karya ini?

Proses menterjemah Hayy Bin Yaqzan sememangnya membuka banyak pintu kepada ilmu baharu bagi saya.

Salah satu aspek yang paling menonjol adalah pemahaman yang lebih mendalam tentang falsafah Islam klasik dan bagaimana ia berinteraksi dengan pemikiran Yunani klasik.

Saya belajar banyak tentang bagaimana Ibnu Tufail menyelaraskan idea-idea falsafah Yunani dengan pandangan alam Islam.

Saya mendapati bahawa karya ini bukan sekadar sebuah naratif tentang seorang anak yang membesar sendirian, tetapi juga satu alegori yang kompleks tentang pencarian makna kebenaran dan ilmu.

Melalui proses terjemahan, saya mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep-konsep seperti alam semesta, Tuhan, dan jiwa dalam falsafah Islam.

Ini termasuk bagaimana Ibnu Tufail menerangkan konsep-konsep ini secara naratif yang menarik dan mudah difahami.

Paling utama, saya belajar bahawa penterjemahan bukan sekadar proses menukar perkataan daripada satu bahasa ke bahasa lain, tetapi ia adalah satu bentuk seni yang memerlukan sensitiviti terhadap makna, konteks, dan budaya untuk memindahkan kesemuanya kepada bentuk yang mudah dihadap pembaca.

Saya juga belajar untuk lebih berhati-hati dan teliti dalam memastikan setiap elemen penting dalam teks asal dipindahkan dengan setepat mungkin ke dalam bahasa terjemahan.

Berapa lama proses terjemahan?

Seingat saya, bermula Disember 2022 hingga Ogos 2023. Ini termasuk dengan semakan dan pembetulan.

Apakah pengajaran dalam karya ini yang boleh dijadikan iktibar kepada pembaca?

Salah satu pengajaran utama adalah pentingnya pencarian makna ilmu dan kebenaran. Cerita Hayy Bin Yaqzan yang membesar sendirian di sebuah pulau dan mencapai pencerahan melalui pemerhatian alam dan renungan mendalam, mengajar kita bahawa pengetahuan sebenar tidak semata-mata datang daripada sumber luar, tetapi juga dari dalam diri kita sendiri.

Dalam kisah ini, Hayy belajar tentang dunia dan dirinya sendiri melalui pemerhatian,

eksperimen, dan pemikiran kritis.

Ini menunjukkan bahawa proses pembelajaran adalah sesuatu yang memerlukan usaha serta ketekunan.

Pengajaran ini sangat relevan dalam dunia moden di mana kita sering terdedah kepada lambakan maklumat, tetapi kurang mendalam dalam memahami dan memproses maklumat tersebut sehingga menjadi ilmu yang membawa kepada kebenaran.

Karya ini juga mengajarkan pentingnya hubungan antara manusia dengan alam. Hayy mencapai banyak pemahaman tentang dunia melalui interaksinya dengan alam sekitarnya.

Ini mengingatkan kita tentang pentingnya menghargai alam sekitar kita, terutama dalam konteks isu-isu alam sekitar yang semakin mendesak hari ini.



Ibnu Tufail menyelitikan pesan tentang kesederhanaan dan keikhlasan dalam mencari kebenaran.

Hayy menjalani kehidupan yang amat sederhana dan berusaha memahami hakikat kewujudan dan hubungan dengan Tuhan tanpa dipengaruhi oleh materialisme atau kepentingan duniawi.

Ini mengajarkan kita untuk mencari kedamaian dan kebahagiaan dalam kesederhanaan dan keikhlasan.

Ada bab yang beri kesan emosi?

Salah satu bab yang memberikan kesan emosi yang mendalam kepada saya adalah ketika Hayy mencapai pencerahan kerohanian dan memahami konsep Tuhan melalui renungan dan pemerhatiannya terhadap alam semesta.

Bab ini sangat mengharukan kerana ia menggambarkan perjalanan seorang individu yang mencari makna dan kebenaran dalam kesunyian dan keterasingan, serta akhirnya menemukan hubungan yang mendalam dengan Pencipta.

Ia menggambarkan proses introspeksi yang

mendalam dan perjalanan kerohanian yang luar biasa. Hayy, yang pada mulanya hanya mengenal dunia fizikal di sekelilingnya, mula menyedari bahawa ada sesuatu yang lebih besar dan lebih mendalam di balik semua itu.

Penemuan ini bukan sahaja bersifat intelektual tetapi juga spiritual, dan momen pencerahan ini membawa kebahagiaan dan kedamaian yang luar biasa kepada Hayy.

Kejujuran dan ketulusan usahanya dalam mencari kebenaran memberi inspirasi dan menyentuh hati. Sebahagian besar kita lahir sebagai Muslim secara keturunan.

Mungkin tidak memahami bagaimana sukarnya perjalanan mencari hidayah atau lebih tepatnya, ‘mencari’ Tuhan sebagaimana Hayy.

Ia bermula dengan kekeliruan, keresahan, kesedihan, dan berakhir dengan ketenangan yang memuaskan akal dan jiwa. Bacalah dengan hati, dan anda akan rasai apa yang telah saya rasa.

Bahagian mana yang paling menarik?

Bagi saya, bahagian yang paling menarik dalam buku ini adalah proses penemuan dan pencerahan Hayy Bin Yaqzan ketika dia mula menyedari dan memahami alam semesta serta hubungannya dengan Tuhan.

Bahagian ini, yang menggambarkan perkembangan intelektual dan kerohanian Hayy, memberikan pandangan yang mendalam tentang bagaimana manusia boleh mencapai pengetahuan melalui pemerhatian dan renungan yang mendalam.

Proses penemuan ini menarik kerana ia menggambarkan evolusi pemikiran Hayy dari pengetahuan asas tentang alam sekitarnya kepada pemahaman yang lebih kompleks tentang konsep-konsep metafizik.

Hayy bermula dengan pemerhatian terhadap fenomena alam, seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan bintang-bintang, dan melalui renungan dan eksperimen, dia akhirnya memahami prinsip-prinsip asas yang mengatur alam semesta.

Perjalanan intelektual dan spiritual ini ditulis dengan begitu terperinci dan memukau, sehingga pembaca dapat merasakan sendiri perjalanan tersebut.

Mengapa setiap rumah perlu ada buku ini?

Buku ini mengajarkan pentingnya pencarian ilmu. Hayy Bin Yaqzan mencapai pencerahan melalui pemerhatian, renungan, dan eksperimen.

Ini menggalakkan pembaca, termasuk kanak-kanak, untuk mengembangkan rasa ingin tahu dan semangat belajar yang mendalam.

Ini adalah nilai yang sangat penting dalam dunia yang sentiasa berubah dan berkembang. Salah satu aspek terkuat buku ini adalah kembara kerohanian Hayy.

Ia mengajar kita tentang keikhlasan dalam mencari kebenaran dan hubungan yang mendalam dengan Tuhan.

Ini adalah pengajaran yang universal dan dapat memberi inspirasi kepada semua untuk terus belajar dalam perjalanan mencari makna diri dan keagungan Tuhan.

Pembangunan sesebuah tamadun bermula dengan masyarakat yang ada kesedaran kerohanian yang tinggi.

Ia tidak akan berjaya jika tidak bermula dengan keluarga yang cakna kepada ilmu, beragama, dan sedar kepentingan hidup bertuhan. Di sinilah peranan Hayy Bin Yaqzan.

Boikot atau tidak?



MARWAN BUKHARI A HAMID
ialah penulis dan penterjemah.
Lulusan Universiti Yarmouk,
Jordan dan Universiti
Sains Islam Malaysia

Semenjak perang di Gaza kembali meletus bermula Oktober 2023, istilah boikot turut sama meletup. Boikot satu tindakan protes oleh sesebuah masyarakat terhadap sesuatu pihak dengan cara memulaukan.

Caranya sama ada tidak membeli, menyumbang, melanggan atau apa sahaja yang boleh menguntungkan pihak itu.

Pihak tersebut boleh jadi sesebuah pemerintahan dan segala entiti berkaitannya yang menyumbang kepada kekuatannya. Boleh jadi juga pihak itu hanyalah sesebuah syarikat, kedai atau individu.

Kalau boikot ialah pemulauan, maka kewajarannya hendaklah menurut motif di sebaliknya. Untuk mendapatkan motif, perlu ditanya, siapa pihak yang ingin diboikot dan apakah kesalahan yang dilakukannya?

Boikot wajar sekiranya melibatkan pihak yang terbukti melakukan kesalahan melibatkan manusia lain dan menindas mereka tanpa menunjukkan tanda penyesalan dan perubahan.

Dalam kes popular sekarang ialah negara Israel yang terbukti sejak 1948 menafikan hak-hak rakyat Palestin dan menolak daripada mematuhi undang-undang antarabangsa.

Antara badan berpengaruh di peringkat antarabangsa yang mengatur agenda boikot tersebut ialah Boycott, Divestment, Sanctions (BDS).

Perjuangan BDS sememangnya demi menentang kezaliman Israel terhadap Palestin termasuk menerusi gerakan boikot. Sasarannya ialah syarikat milik Israel dan antarabangsa yang mengaut keuntungan hasil dari pencabulan hak rakyat Palestin.

BDS menyenaraikan syarikat-syarikat tersebut di laman-laman web mereka.

Bagi saya, sewajarnya kita bersetuju dengan seruan boikot terhadap syarikat-syarikat yang terbukti memberikan keuntungan kepada Israel.

Maksudnya, bukan sekadar tahap mungkin atau rasa-rasa, tapi sudah mencapai tahap kepastian berdasarkan rekod-rekod sebelum ini. Untuk kategori ini, seseorang wajar untuk memboikot semampu yang boleh.

Manakala syarikat dan jenama lain yang tidak terbukti lagi sama ada membantu Israel atau tidak pula tidak semestinya terus diboikot, antaranya francais-francais bagi syarikat antarabangsa yang ada di Malaysia.

Terdapat tarik-menarik dalam hujah untuk memboikot atau tidak memboikot. Sesetengah hujah yang diberikan ada sudut pandang yang munasabah termasuk dari segi impak ekonomi yang berantai termasuk melibatkan pembekal, peniaga, pekerja dan sebagainya.



Dalam wacana agama, hujah-hujah tersebut relevan, justeru perselisihan pandangan dalam hal ini juga relevan untuk mempunyai pandangan berbeza.

Pihak yang memilih untuk boikot kategori ini ada hujahnya, malah secara serentak akan menggalakkan pengeluaran ganti jenama tempatan yang lain.

Persaudaraan muslim

Pihak yang memilih untuk tidak memboikot juga ada alasan yang relevan kerana kesnya tidak sama dengan syarikat yang terbukti memberi keuntungan kepada Israel sebagaimana tadi. Jika begitu, maka bersederhanalah dalam berbeza pandangan.

Antara ciri kesederhanaan ialah pihak yang memboikot hendaklah meyakinkan pihak lain dengan hujah, bukannya memalukan mereka dengan mengambil gambar dan video kemudian dibuat keterangan yang menghina dan mencela.

Tidak juga dengan gangguan seperti membunyikan hon di kawasan pandu lalu restoran tertentu. Apatah lagi dengan mempertikai keislaman pihak yang tidak memboikot.

Persaudaraan sesama manusia dan sesama muslim tetap perlu dijaga, antaranya dengan menjaga kehormatan mereka tanpa memalukan atau menyakiti mereka.

Tambahan pula, meski ada pandangan berbeza tentang boikot, rata-rata mereka bersetuju membantah penjajahan Palestin serta menyokong perjuangan rakyatnya yang ditindas oleh Israel.

Fenomena boikot tersebut ternyata telah menjalar ke isu-isu lain. Antaranya ialah stoking kalimat Allah di KK Mart yang mendorong sesetengah muslim menyeru boikot.

Jika dilihat, kes itu hingga kini masih disiasat dan belum ada keputusan muktamad. Malah dari segi logik pula cukup bermasalah jika peniaga yang mendamba pembeli sengaja

memprovokasi dengan menghina agama hingga perniagaannya dipulau.

Kalau boikot sesuatu kedai dilakukan kerana isu harga yang tinggi, ada unsur rasisme dalam perniagaan atau apa-apa alasan lain yang relevan, maka terpulanglah kepada sesiapa yang mahu boikot.

Tapi jika kerana alasan agama, maka ketahuilah bahawa keberagamaan mestilah berpandukan hujah dan bukti, bukannya mengikut perasaan yang berlebihan sahaja.

Oleh itu, sejak awal lagi isu ini tidak sepatutnya disambut dengan boikot. Beberapa hari lalu, Mufti Perak mengeluarkan kenyataan agar berhenti daripada memboikot kedai tersebut kerana tuduhan menghina Islam tidak terbukti berlaku kepada kedai itu.

Benar, menghina agama dilarang, tapi menuduh orang menghina agama tanpa sebarang bukti juga dilarang. Memboikot kerana tuduhan itu tentulah dilarang.

Demikian secara ringkasnya rencana ini menyentuh tentang tiga kategori boikot. Pertama, kewajaran memboikot syarikat yang terbukti menguntungkan negara haram Israel atau penjajah lain yang seumpama dengannya.

Kedua, kewajaran untuk ada perbezaan pandangan dalam syarikat yang tidak terbukti memberi sokongan itu. Terdapat pelbagai hujah yang relevan dan tarik-menarik dari segi kebaikan dan keburukan boikot dalam kes ini.

Ketiga, tiada kewajaran untuk memboikot tanpa alasan yang kuat. Contohnya menuduh pihak tertentu menghina agama sedangkan belum terbukti, sementelah siasatan masih berlangsung dan belum ada keputusan muktamad.

Apa yang lebih penting, perdebatan kita tentang boikot tidak mengalpakan kita daripada nilai di sebalik boikot iaitu menegakkan keadilan dan melawan penindasan. Jika salah bertindak, boikot boleh bertukar menjadi penindasan dan ketidakadilan.



Anwar (kanan) bersama Dr Ali Muhyiddin melancarkan terjemahan Kitab Fiqh Zakat tulisan Almarhum Dr Yusuf Al-Qaradawi di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya pada 29 Mei. Foto Facebook Anwar Ibrahim

PM lancar kitab zakat al-Qaradawi

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan terjemahan Kitab Fiqh Zakat karya Almarhum Dr Syekh Yusuf al-Qaradawi dalam bahasa Melayu di Kompleks Seri Perdana di Putrajaya pada 31 Mei.

Naskhah itu diterjemah Pusat Pungutan Zakat bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Anwar menyifatkan terjemahan kitab tersebut, pertama kali dalam bahasa Melayu, penting ekoran kupasannya menyeluruh meliputi pelbagai aspek termasuk hukum-hakam dan operasi zakat.

Pelancaran kitab berkenaan berlangsung dalam Majlis Ilmu Madani yang turut dihadiri Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia Syekh Prof Dr Ali Muhyiddin Ali al-Qaradaghi.

Tangani cabaran transformasi digital

Perluas instrumen kewangan Islam

SHAH ALAM - Kerajaan memasuki fasa kedua bagi memperluas instrumen kewangan Islam termasuk perbankan dan kewangan sejajar matlamat yang terkandung dalam Maqasid al-Syariah.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menekankan kepentingan dan keperluan model ekonomi untuk menangani prinsip keadilan, belas kasihan serta penyertaan, lapor Bernama.

"Kita sedang beralih kepada fasa kedua bagi mengembangkan dan meneliti instrumen Islam termasuk perbankan dan kewangan untuk menangani matlamat syariah yang lebih tinggi," katanya.

Beliau yang juga menteri kewangan

bercakap demikian dalam sesi syarahan di Kompleks Seri Perdana di Putrajaya pada 31 Mei.

Menurut Anwar lagi, Gabenor Bank Negara Malaysia Datuk Abdul Rasheed Ghaffour dan Perbendaharaan bertanggungjawab bagi memperkenalkan instrumen yang relevan dalam fasa itu.

Perdana menteri juga menengulangi keazaman untuk memperluas konsep ekonomi Maqasid al-Syariah dan menangani cabaran transformasi digital, peralihan tenaga dan keterjaminan makanan.

Anwar turut memuji usaha Abdul

Rasheed untuk menyepadukan Maqasid al-Syariah dalam kerangka ekonomi negara.



Pada 30 Mei, Abdul Rasheed memberitahu BNM mahu menerapkan Maqasid al-Syariah dalam pembaharuan ekonomi dan memajukan inovasi dalam perdagangan dan wakaf untuk memperkasa model sosioekonomi.

BNM juga mahu mengukuhkan integrasi global bagi mendorong pembangunan ekonomi yang dikongsi dalam kalangan negara Islam termasuk perdagangan dengan negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

180,000 dapat caruman percuma

SHAH ALAM - Lebih 180,000 pemandu e-panggilan dan penghantar panggilan Grab Malaysia menerima tajaan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Menurut Menteri Sumber Manusia Steven Sim, tajaan perlindungan itu bawah kendalian syarikat tersebut untuk perlindungan 12 bulan bermula dari tarikh mereka didaftar, lapor Bernama.

"Bawah geran padanan caruman SKSPS, 90 peratus ditanggung kerajaan

manakala baki 10 peratus ditaja Grab Malaysia untuk lebih 180,000 rakan pemandu dan rakan penghantar," katanya.

Beliau ditemui dalam pelancaran tajaan caruman itu dan pertukaran memorandum persefahaman antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Grab Malaysia di ibu negara pada 4 Jun.

Sim menjelaskan perlindungan percuma kepada mereka mengurangkan beban pemandu e-panggilan dan penghantar p-panggilan untuk men-

jamin keselamatan dan keluarga jika ditimpa bencana.

Beliau memberitahu sebanyak 2,033 kes tuntutan diterima dan diproses dengan pembayaran faedah keseluruhan lebih RM8.9 juta merangkumi 20 sektor berdasarkan data Perkeso takat 24 Mei.

"Untuk tempoh sama, sektor e-panggilan dan p-panggilan mencatat 631 kes tuntutan dengan bayaran faedah RM3.3 juta," katanya sambil menambah 622,473 pencarum aktif direkod Perkeso.

FedEx kembang niaga di Malaysia

SHAH ALAM - Syarikat pengangkutan multinasional FedEx mahu mengembangkan perniagaannya di Malaysia terutama melibatkan kemudahan sedia ada di beberapa lapangan terbang.

Menurut perdana menteri, perkara itu dibincang dalam kunjungan hormat Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan dan Antarabangsa FedEx Corporation Richard Smith pada 30 Mei.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kemudahan FedEx di Malaysia melibatkan lebih 30 penerbangan seminggu yang menghubungkan industri tempatan dengan rangkaian global meliputi 220 negara.

FedEx adalah syarikat multinasional dalam bidang pengangkutan, e-dagang dan perkhidmatan perniagaan yang telah bertapak di Malaysia sejak 1993.

Israel gugur 70,000 tan bom di Gaza

SHAH ALAM - Lebih 70,000 tan bom digugurkan Israel ke Semenanjung Gaza sejak Oktober, jauh mengatasi bilangan di Dresden, Hamburg dan London dalam Perang Dunia Kedua.

Menurut Pemantau Hak Asasi Manusia Euro-Med pada April, jumlah bom tersebut dijatuhkan dalam masa enam bulan antara 7 Oktober hingga 24 April, lapor Bernama yang memetik Agensi Anadolu.

Mengikut pelbagai rekod anggaran termasuk arkib New York Times, Jerman dipercayai menjatuhkan kira-kira 18,300 tan bom ke London antara 1940 hingga 1941.

Berikat pula menggugurkan 8,500 tan bom di Hamburg pada 1943, kata Hendrik Althoff, felo penyelidik di Jabatan Sejarah di Universiti Hamburg. Sebanyak 3,900 tan digugurkan di Dresden pada Februari 1945.

Peluang ikuti 112 kursus TVET

SHAH ALAM - Permohonan untuk mengikuti kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dibuka hingga 9 Jun.

Menurut Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Manusia menawarkan latihan peringkat sijil, diploma dan diploma lanjutan bagi menghasilkan tenaga kerja mahir dan separa mahir.

Kenyataan itu juga menyebut ada 32 institusi latihan Jabatan Tenaga Manusia di seluruh negara menawarkan lebih 50 program dan 112 kursus kepada lepasan sekolah, lapor Bernama.

"Program latihan TVET yang ditawarkan ini penting untuk menyediakan modal insan berkemahiran yang diperlukan industri," menurut kenyataan pada 31 Mei.

Calon lepasan Sijil Kemahiran Malaysia tahap tiga pula boleh membuat permohonan kursus TVET hingga 11 Jun.

Lepasan SPM boleh membuat permohonan menerusi sistem UPUOnline manakala lepasan SKM pula melalui pautan <https://mohon.tvet.gov.my>.

Petani dapat subsidi tunai diesel

SHAH ALAM - Petani, penternak dan pengusaha akuakultur dipelawa mendaftar Sistem Pendaftaran GeoAgro bagi menikmati bantuan tunai subsidi diesel susulan penyasaran bahan api itu.

Menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, subsidi itu disediakan kepada mereka melalui Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) bawah kategori Budi Agri-Komoditi.

Pendaftaran berkenaan boleh dibuat menerusi pautan <https://geoag-roregister.kpkm.gov.my> sebelum membuat permohonan melalui portal Budi Madani iaitu <https://budimadani.gov.my>

Kenyataan menyebut subsidi dan insentif sedia ada kepada nelayan dan pesawah terus dikekalkan iaitu RM1.65 seliter kepada pemilik vesel perikanan zon A, B dan C, tertakluk kepada kuota.

Kerajaan juga menambah baik kadar sedia ada insentif pembajakan, daripada RM100 kepada RM160 per hektar per musim selain memperkenalkan insentif

tuaian pada kadar RM50 per hektar per musim.

"Menerusi kenaikan kadar ini, pesawah terlibat akan menerima bayaran insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 per hektar per musim," kata kenyataan baru-baru ini.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pula membantu syarikat sektor pertanian melalui pemberian kad fleet bersubsidi untuk kenderaan pengangkutan yang layak.

Lengkap kemudahan digital

Naik taraf 384 institusi pendidikan

SHAH ALAM - Sebanyak 384 institusi pendidikan di seluruh negara dinaik taraf supaya dilengkapi kemudahan digital untuk menjadi Pusat Kecemerlangan

Pendidikan (COE) tahun ini.

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata ia antara usaha pembudayaan digital dengan membekal studio digital dan hab pembuatan digital untuk memantapkan kemahiran guru, lapor Bernama.



sat Sains Negara di ibu negara pada 1 Jun.

Selain itu, Fadhlina mengulangi penegasan yang kementerian tidak sesekali berkompromi terhadap sebarang isu salah guna kuasa melibatkan disiplin guru di sekolah.

"Maksudnya pusat kegiatan guru dan pusat terkait rapat dengan teknologi akan dilengkapi bahan digital dan jadi pusat tumpuan guru meningkatkan keupayaan mereka dan anak murid," katanya.

Beliau merasmikan majlis anugerah Penggunaan Digital dan Teknologi peringkat kebangsaan dan melancarkan pameran MyDigitalMaker di Pu-

Mengulas kes murid jatuh sakit selepas didenda berdiri di tengah panas hampir tiga jam, beliau mengingatkan mana-mana pihak supaya memberi utamaan kepada keselamatan murid.

"Kes ini telahpun kita serahkan kepada pihak berkuasa dan kita sedang menunggu laporan berkaitan untuk dibawa ke peringkat kementerian," katanya.

5,125 pelajar ikuti latihan di China

SHAH ALAM - Sebanyak 220 syarikat China menawarkan 5,125 kuota kepada pelajar Malaysia untuk menjalani latihan berkaitan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET).

Menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, tawaran yang meliputi program jangka pendek, sederhana dan panjang bakal melonjakkan industri TVET di negara ini.

Katanya, ia hasil kerjasama Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran dan industri berkaitan TVET iaitu Kumpulan Pendidikan Automotif Beifang dan Kumpulan Pendidikan Antarabangsa Tang.

"Pelbagai tawaran terutama berkaitan automotif yang memfokus kepada kenderaan elektrik, kenderaan tenaga boleh diperbaharui, robotik, internet kenderaan serta kecerdasan buatan.

"Latihan jangka pendek selama tiga bulan manakala jangka sederhana (enam bulan) dan jangka panjang (enam bulan hingga tiga tahun)," katanya pada sidang media pada 30 Mei.

Beliau hadir program Malaysia-China International Industry-TVET Education Cooperation dan menyaksikan majlis menandatangani MoU sempena lawatan ke China antara 22 Mei hingga 1 Jun.

Beifang Automotive Education Group ialah jenama pendidikan automotif dengan institusi bebas di China yang menyediakan pusat penyelidikan dan pembangunan.

Kumpulan Pendidikan Antarabangsa Tang menyediakan khidmat pengajaran dan pembelajaran pintar termasuk pendidikan vokasional, pendidikan berterusan dan sepanjang hayat melalui teknologi maklumat.



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
KERJA-KERJA PENGGANTIAN EMPAT (4) UNIT LIF BAHARU SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SKIM CERIA DI PANGSAPURI CEMARA 1 & 2, TAMAN BUKIT SEGAR JAYA, AMPANG, SELANGOR. No. Tender: LPHS/T/K/24/01 No. Fail: LPHS.UPA.400-5/10/32	Kontraktor Berdaftar dengan CIDB Gred: G4/ G5/ G6/ G7 Kategori: ME Pengkhususan: M03 (Lift dan Eskalator) Dan Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Serta Sijil Firma Yang Kompeten (FYK) dari: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM150.00 Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor (Dokumen hanya akan dijual kepada syarikat yang hadir Lawatan Tapak)	Tarikh: Rabu 12 Jun 2024 Masa: 11.00 Pagi Tempat: Pejabat Pengurusan, Pangsapuri Cemara, Taman Bukit Segar Jaya, Ampang Kehadiran Taklimat adalah Wajib (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam siji)	Bermula 13 Jun 2024 Sehingga 03 Julai 2024	04 Julai 2024 (Khamis) Jam 12.00 tengah hari

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **07 Jun 2024 (Jumaat)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **016 - 330 1330 (Unit Perolehan Dan Aset)**.

Dokumen Tender **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa dokumen asal Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut** semasa membeli dokumen Tender. **SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.**

Dokumen Tender hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **seperti waktu dan tarikh yang ditetapkan diatas kepada:**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM
Selangor Darul Ehsan

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Tender.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.**

Kenyataan Tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.



Najwan dan Pemangku Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Madiyan Baweh serta Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara Mansor Mohamad melepaskan peserta program Fun Run @ Hari Landskap Negara 2024 di Taman Tasik Shah Alam pada 1 Jun. Foto REMY ARIFIN

1,600 sertai larian Hari Landskap

SHAH ALAM - Kira-kira 1,600 individu menyertai program larian lima kilometer sekitar pusat bandar raya di sini sempena sambutan Hari Landskap Negara (HLN).

EXCO Belia Najwan Halimi memberitahu sambutan acara tersebut mengalakkan berikutan penyertaan kebanyakan warga Shah Alam yang hadir bersama ahli keluarga masing-masing.

"Larian seumpama ini harus dijadikan kegiatan rutin kerana selain mengamal gaya hidup sihat, ia dapat meluangkan masa bersama keluarga serta merapatkan lagi ukhuwah," katanya pada 1 Jun.

"Tahniah Jabatan Landskap Negara dan Majlis Bandaraya Shah Alam, diharap dapat anjur lagi pada masa akan datang dengan skala besar supaya lebih ramai sertai."

HLN yang bermula 24 Mei hingga 2 Jun menjadi platform kepada penggiat industri landskap untuk mempromosi dan memasarkan produk mereka.

PKNS-Maybank jalin kerjasama

Permudah milikan, ubah suai rumah

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Pembeli projek perumahan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bakal mendapat kemudahan pembiayaan rumah daripada Malayan Banking Bhd (Maybank) termasuk pinjaman ubah suai kediaman.

Ketua pegawai eksekutif kumpulan PKNS berkata pembeli berpeluang membuat pinjaman sehingga 90 peratus selain turut ditawarkan tambahan 30 peratus atau maksimum RM250,000 bagi kerja hiasan menerusi skim MyDeco.



"Kami sedar ramai pemilik kediaman baharu menghadapi cabaran mengubah suai rumah atas faktor kekurangan bajet, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi hari ini di mana harga barangan semakin mencanak naik.

"Jadi inisiatif bertujuan membantu pemilik rumah memiliki kediaman sendiri dan lengkap dengan dekorasi yang diimpikan mereka. Skim ini ditawarkan untuk semua projek kendalian PKNS.

"Dalam masa sama, skim ini turut ditawarkan kepada anak syarikat yang mahu menambah pelbagai kemudahan seperti bumbung solar," kata Dato' Mah-

mud Abbas.

Beliau menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) MyDeco dengan Maybank diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkhidmatan Kewangan Komuniti Syed Ahmad Taufik Albar pada 4 Jun.

Syed Ahmad berkata menerusi kerjasama berkenaan pihaknya akan memudahkan proses pemilikan rumah pelanggan sehingga kelulusan 120 peratus pinjaman termasuk margin tambahan untuk MyDeco.

"Dengan pembiayaan skim ini, pemilik rumah PKNS boleh melakukan kerja hiasan dan kos reka bentuk dalaman termasuk pembelian perabot, kelengkapan, estetika, hiasan dan sebagainya," katanya.

Penstabilan tanah siap hujung tahun

SUBANG JAYA - Kerja penstabilan cerun kawasan tanah runtuh di Taman Wawasan di sini dijadual siap pada akhir tahun ini, kata Datuk Bandar Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Meminta penduduk terlibat bersabar, beliau memberitahu kerja pengukuhan tapak, struktur dan pembinaan longkang kekal di Jalan Wawasan baru mencapai kemajuan 20 peratus pada masa ini.

"Penduduk yang terjejas tidak dibenarkan pulang. Bimbang risiko kecelakaan kerana kawasan kerja pembinaan

dan rumah terjejas terletak berdekatan," katanya selepas mesyuarat penuh MBSJ pada 30 Mei.

Kejadian 16 Disember 2023 mengakibatkan 29 penghuni sembilan rumah teres diarah berpindah atas faktor keselamatan ekoran tanah runtuh berhampiran kediaman mereka.

Dalam perkembangan sama, Mohd Fauzi menjelaskan notis senarai penilaian baharu akan diumumkan dan dikeluarkan



kepada pemilik kediaman di Subang Jaya pada pertengahan bulan ini.

"Kita masih mengikut keputusan Kerajaan Negeri maksimum kenaikan tidak melebihi 25 peratus dan serang kita sedang menunggu proses penilaian warta baharu.

"Kita jangka penilaian warta itu lulus 13 Jun ini kemudian notis akan dikeluarkan kepada penduduk dan mereka ada tempoh 36 hari untuk membuat bantahan," katanya.

Lantik ahli majlis kanak-kanak

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melantik 30 ahli majlis kanak-kanak Petaling Jaya (PJCC) dalam kalangan pelajar berkuat kuasa 4 Jun hingga 2025.

Datuk bandar Petaling Jaya berkata PJCC merupakan platform untuk setiap ahli membawa suara kanak-kanak di Petaling Jaya selain terlibat dalam perancangan dan penguurusan bandar.

"Sebagai contoh, sekiranya terdapat keperluan membina sebuah taman permainan kanak-kanak di kawasan Petaling Jaya, mereka akan mengemukakan cadangan kepada MBPJ untuk pertimbangan.

"Mereka yang dilantik berumur 11 hingga 17 tahun terdiri daripada sekolah rendah dan menengah. Ahli majlis ini turut diberi elaun pengangkutan (RM30) dan mesyuarat (RM50) setiap bulan," kata Mohamad Zahri Samingon.

Pangkas 8,000 pokok berisiko

SUBANG JAYA - Ribuan pokok teduhan disenggara Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi mengelak kejadian tidak diinginkan sekali gus memastikan keselamatan awam terjaga.

Datuk Bandarnya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim memberitahu peruntukan tambahan turut disediakan bagi melaksanakan kerja memangkas dan menyelenggara pokok yang berisiko tumbang.

"MBSJ tekad senggara pokok teduhan dan elak kejadian pokok tumbang. Setakat Mei, kita memangkas kira-kira 8,000 pokok berisiko tumbang dan 7,000 pokok lagi hingga hujung tahun.

"Aduan penduduk berkenaan pokok berisiko tumbang, MBSJ akan menyemak keadaan di tapak dan menilai tahap risikonya sebelum tindakan seterusnya diambil," katanya pada 30 Mei.

RM700 buat asnaf dapat kerja baharu

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyedia insentif RM700 kepada asnaf yang mendapat pekerjaan baharu sehingga 30 Disember.

Agensi tersebut memaklumkan permohonan hanya perlu mengemuka salinan kad pengenalan, kad pengenalan ketua keluarga, surat tawaran bekerja, surat pengesahan bekerja dan penyata akaun.

Menurut kenyataan, permohonan bawah Insentif Permulaan Pekerjaan Asnaf Selangor (IPPAS) hanya dalam talian menerusi bit.ly/INSENTIFPERMULAANPEKERJAANASNAFSELANGOR-IPPAS-LZS

Maklumat lanjut, hubungi 1-300-88-4343 atau layari media sosial dan laman sesawang rasmi LZS.

RM1 juta bina rumah baharu Orang Asli

SELANGOR - Kerajaan Selangor memperuntuk RM950,000 bagi membina 13 unit kediaman satu tingkat untuk membantu masyarakat Orang Asli bawah Program Bina Rumah Baru dan Baik Pulih 2023.

Menurut penolong pengarah (seksyen sektoral) Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upem), projek mulai Jun tahun lalu meliputi pembinaan rumah tiga bilik bernilai RM85,000 dan dua bilik (RM55,000).

"Program ini bertujuan memberi penyelesaian buat masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka," kata Idayuamimah Ibrahim baru-baru ini.

Beliau menjelaskan permohonan bagi kediaman itu dikendalikan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) manakala kelayakan pemohon disemak Upem.

Pengurus kanan Jabatan Teknikal dan Pengurusan Bangunan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) berkata serahan semua kediaman terbabit dijangka selesai pertengahan bulan ini.

Menurut Kamarul Zaki Khalid, penyerahan bermula 27 Mei melibatkan Hulu Langat, Hulu Selangor dan Kuala Langat.

Unisel meterai perjanjian IPT China

SHAH ALAM - Universiti Selangor (Unisel) memeterai perjanjian dengan beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) terkemuka China bagi memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang.

Menurut kenyataan Pejabat Komunikasi Korporatnya pada 2 Jun, kerjasama dalam bidang pada peringkat antarabangsa yang bakal diteroka meliputi akademik, penyelidikan dan pemasaran.

IPT tersebut antaranya Northwest Uni-

versity of Political Science and Law melibatkan pertukaran kakitangan dan pelajar antara kedua-dua universiti.

Guangxi College of Sports Education menawarkan kerjasama pengajian sukan manakala Nanning Institute of Digital Science and Technology berkaitan teknologi automotif dan sains digital.

Linxia Modern Vocational College dan Nanning Aihua School (AIHUA) berrminat menghantar staf dan pelajar untuk

melanjutkan pengajian ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana di Unisel.

"Xi'an Fanyi University, Lanzhou Jiaotong University dan Northwest Normal University pula membina jaringan kerjasama akademik dan penyelidikan," kata kenyataan itu di Facebook.

Presiden dan Naib Canselor Unisel Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata kerjasama itu hasil hubungan erat Malaysia dan China.

Jumlah pelajar lulus meningkat

PTRS tingkat pencapaian SPM

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 di negeri ini.

Menurut kenyataan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI pada 2 Jun, Selangor memperoleh Gred Purata Negeri (GPN) 4.67 berbanding 4.80 pada 2022.

Bilangan calon yang layak menerima sijil juga meningkat iaitu seramai 58,082 pelajar atau 91.14 peratus berbanding

56,402 atau 89.25 peratus pada tahun sebelumnya.

Prestasi peratusan lulus bagi empat mata pelajaran PTRS iaitu bahasa Inggeris, Sejarah, Sains dan Matematik juga meningkat.

"Peratus lulus sejarah tertinggi antara empat mata pelajaran iaitu peningkatan 2.03 peratus apabila 58,487 calon (91.99 peratus) lulus berbanding 56,739 (89.96 peratus) lulus pada 2022.

"Secara keseluruhan, prestasi Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) keenam-enam mata pelajaran PTRS menunjukkan peningkatan prestasi pada 2023 berbanding 2022," kata kenyataan lagi.

Susulan itu, MBI menerima surat penghargaan daripada Pengarah Pendidikan Negeri Dr Jafri Abu selain merakam setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada pelajar terlibat dalam PTRS.

Menurut kenyataan, PTRS yang diurus Jabatan Tanggungjawab Sosial dan Komunikasi Korporat MBI yakin kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) dapat terus diperkasa.

"Melalui peruntukan RM10 juta, MBI Selangor yakin sinergi bersama JPNS dapat memperkasa dan memartabatkan agenda pendidikan di Selangor sejajar visi Dato' Menteri Besar," katanya.

Impian miliki rumah tercapai

SELANGOR - Impian ibu empat anak dari kalangan Orang Asli untuk memiliki kediaman selesa tercapai selepas terpilih sebagai penerima program bantuan perumahan negeri.

Berterima kasih kepada Kerajaan Selangor dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Jiah Chiti, 46, berkata inisiatif itu membantunya memiliki rumah tiga bilik menggantikan kediaman uzur.

"Sukar untuk gambarkan perasaan. Saya bersyukur kerana rumah baharu ini beri penyelesaian untuk anak-anak termasuk seorang yang bersekolah," katanya.

Beliau menerima kunci yang diserahkan Penolong Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upem) Idayuamimah



Ibrahim di Kampung Orang Asli Bukit Jenuk, Dengkil di sini baru-baru ini.

Rumah satu tingkat itu dibina bawah Program Bina Rumah Baharu dan Baik Pulih 2023 untuk masyarakat Orang Asli di Selangor hasil inisiatif Kerajaan Negeri.

Rapiah Sitip, 60, yang selama ini mendiami pondok bersama suaminya yang terlantar akibat lumpuh berasa seronok dan mengambil cuti untuk hadir menerima kunci dalam majlis tersebut.

"Sudah lama menunggu rumah ini untuk saya, saya sangat seronok dan ambil cuti bekerja untuk terima kunci rumah," katanya sambil berterima kasih kepada Kerajaan Negeri.

Menang esei falsafah antarabangsa

SHAH ALAM - Malaysia merangkul pingat perak dalam pertandingan menulis esei falsafah Olimpik Falsafah Antarabangsa (IPO) 2024 di Helsinki, Finland baru-baru ini.

Thew Sean Schoen, 17, dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik, Petaling Jaya menewaskan lebih 100 peserta daripada 50 negara menerusi esei bertema keamanan.


Menurut Ketua Pasukan Dr Dayang Nurhazieqa Hamzani kepada Selangorkini, pencapaian berkenaan mengulangi kejayaan pada 2021 yang menyak-

sikan wakil negara menduduki tempat kedua.

Beliau memberitahu Scheon yang menyertai Olimpik Falsafah Malaysia sejak berusia 13 tahun sebelum mewakili Malaysia hanya meraih sagu hati pada tahun lalu.

"Ini pencapaian tertinggi. Sejak 2018, Malaysia dapat anugerah walaupun sagu hati," katanya ketika dihubungi. Seorang lagi wakil adalah Kaveesha dari Universiti Utara Malaysia.

Dr Dayang Nurhazieqa menganggap kemenangan tersebut menunjukkan semangat luar biasa wakil negara memandangkan hampir semua peserta adalah pelajar dalam bidang falsafah.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000018581	SUPPLY AND DELIVERY OF 6 UNITS OF PORTABLE MULTIPARAMETER SONDE EQUIPMENT FOR AIR SELANGOR'S SURVEILLANCE UNIT
2.	PN0000018512	SUPPLY AND DELIVERY OF TELEMETRY CABINETS, PADLOCKS, STICKERS AND ZONE NAMES FOR NRW PROGRAM (2025-2027)
3.	PN0000018536	RESERVOIR CLEANING SERVICES BY USING DIVING METHOD AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT MATANG PAGAR BALANCING RESERVOIR
4.	PN0000018560	PROVISION OF INSURANCE SERVICES FOR THE EMPLOYEE BENEFITS INSURANCE PROGRAM FOR AIR SELANGOR

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau <https://tender.airselangor.com>



JUARA... Pemain Selangor FC meraikan kejayaan menewaskan Persija Jakarta 1-0 dalam perlawanan akhir RCTI Premium Sports di Stadium Antarabangsa Jakarta, Indonesia pada 2 Jun. Gol tunggal Red Giants dijaringkan Alvin Fortes pada minit ketiga. Foto Facebook Selangor FC

Jangka saingan sengit tiga negara

Ziyad idam emas Paralimpik Paris

SHAH ALAM - Atlet paralimpik negara sedia menggalas cabaran untuk membawa pulang pingat emas dalam Sukan Paralimpik Paris 2024 selepas kali terakhir melakukannya di Rio, Brazil lapan tahun lalu.

Muhammad Ziyad Zolkefli mengakui rindu untuk merangkul emas temasya empat tahun sekali itu selepas kemenangannya 'dinafikan' di Tokyo, Jepun pada 2020, lapor Bernama.

Atlet berusia 34 tahun itu diklasifikasikan sebagai tidak memulakan saingan (DNS) susulan protes pasukan Ukraine yang mendakwa jaguh lontar

peluru itu lewat melapor diri di bilik menunggu sebelum pertandingan.

"Memang sangat lama ditunggu sebab 2012 gangsa, 2016 emas, 2021 'drama', 2024 insya-Alah semestinya mahu buat penampilan terunggul sebab saya bukan lagi muda (tapi) bersaing dengan orang muda.

Saya nak membuktikan umur bukan penghalang selagi kita ada usaha.

"Sebelum ini kalau dapat buat 16.5 meter (m) ke atas boleh berlapan dada, sekarang kena 17m pun tidak menentukan menang emas (di Paralimpik). Malah rekod Asia 17.43m saya

itu tidak menentukan pingat emas jadi kena 17.8m ke atas," katanya.

Beliau menjangkakan saingan sengit daripada atlet negara lain seperti Ukraine, Perancis dan Turkiye dalam temasya yang akan berlangsung pada 28 Ogos hingga 8 September.

Sebelum ini, Ziyad menjuarai acara lontar peluru lelaki F20 (kecatatan intelektual) di Kejohanan Olahraga Para Dunia 2024 di Kobe, Jepun dengan lontaran sejauh 17.43m.

Lebih manis catatan itu memperbaiki rekod Asia miliknya sendiri sejauh 17.29m pada Kejohanan Olahraga Para Dunia 2017 di London.

Pertandingan golf cari bakat baharu

PETALING JAYA - Kerajaan Negeri menganjurkan dua kejohanan golf berprestij bulan ini di Kelab Golf Seri Selangor di sini.

Dato' Menteri Besar berkata Kejohanan Golf Junior Antarabangsa Selangor berlangsung dari 13 hingga 15 Jun diikuti PKNS Selangor Masters pada 19 hingga 22 Jun.

Jelas Dato' Seri Amirudin Shari, acara anjuran bersama UUM International School Melaka (UUMISM) dengan kerjasama Persatuan Golf Malaysia (MGA)

menjadi platform mencungkil bakat baharu dalam sukan tersebut.

"Kejohanan Golf Junior Antarabangsa Selangor 2024 disertai 120 pemain muda berusia 12 hingga 18 tahun dari 12 negara bagi kategori individu serta kumpulan lelaki dan perempuan.

"Kerajaan Negeri juga akan membiayai pemain terbaik dari Selangor untuk melanjutkan latihan di UUMISM," katanya dalam sidang media pada 30 Mei.

Amirudin berkata kejohanan PKNS Selangor Masters yang mendapat ta-

jaan lebih RM3.75 juta akan disertai 144 peserta dari 25 negara.

"Dua kejohanan ini seiring komitmen Selangor untuk membangunkan sukan golf. Ia juga menjadi platform terutama pemain profesional terutama peserta dari Malaysia untuk meningkatkan kerjaya mereka dalam sukan ini.

"Kita harap dapat melihat pemain Malaysia dalam carta 10 teratas Jelajah Pembangunan Asia (ADT) Order of Merit yang akan memperoleh kad jelajah Asia mereka untuk 2025," katanya.

Gombak FC raih tiga mata pertama

SHAH ALAM - Gombak FC memulakan saingan Liga A1 Semipro Kejohanan Bank MBSB 2024 dengan kemenangan 2-1 ke atas Bukit Tambun FC di Stadium MPS, Bandar Baru Selayang pada 1 Jun.

Pengurus Radziff Hassan berkata pasukannya bermain agak perlahan sehingga membenarkan lawan mendahului 1-0 menerusi jaringan Syazwi Suhaimi pada babak pertama.

Perubahan corak permainan Gombak FC pada separuh masa kedua membuahkan hasil apabila mereka menjaringkan dua gol untuk mengutip tiga mata.

"Bersambung separuh masa kedua, Gombak FC menggandakan asakan sehingga menghasilkan gol pada minit ke-61 melalui Shukri Hamid dan Vinicius pada minit ke-80," katanya.

Gombak FC menentang Melaka FC dalam perlawanan kedua di Stadium Hang Jebat.

RM170,000 buat skuad sepak takraw

SHAH ALAM - Pasukan sepak takraw kebangsaan bakal menerima insentif khas berjumlah RM170,000 daripada Majlis Sukan Negara (MSN) susulan kejayaan membanggakan pada kejohanan Piala Dunia Sepak Takraw 2024 baru-baru ini.

Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh berkata MSN meluluskan pemberian insentif berjumlah RM60,000 masing-masing kepada pasukan regu dan berpasangan manakala regu berpasukan selaku naib juara menerima RM50,000.

"(Kejayaan) Kejohanan Piala Dunia Sepak Takraw 2024 amat besar maknanya untuk rakyat Malaysia dan pemain pula bekerja keras menang emas," katanya seperti dilapor Bernama pada 3 Jun.

Shereen lebur rekod kebangsaan 400m

SHAH ALAM - Atlet olahraga wanita negara Shereen Samson Vallabouy meleburkan rekod kebangsaan miliknya dalam acara 400 meter (m) pada Kejohanan Music City Track Carnival di Tennessee, Amerika Syarikat pada 1 Jun.

Menurut laman sesawang kejohanan, Shereen memenangi tempat kedua dengan masa 51.79 saat (s) dalam saingan akhir di Stadium Dean A Hayes, Murfreesboro, lapor Bernama.

Catatan itu memadamkan rekod 51.80s yang dilakarnya dalam Kejohanan Olahraga Tahunan Mt SAC Relays ke-63, California, Amerika Syarikat pada April tahun lalu.

Bagaimanapun, atlet berusia 26 tahun dari Perak itu wajib mencatat masa sekurang-kurangnya 50.95s jika mahu melayakkan diri ke Sukan Olimpik Paris.



IR IZHAM HASHIM
Pandan Indah

menyampaikan peralatan sekolah kepada pelajar di DUN beliau

NG SUEE LIM
Sekinchan

bertemu penduduk di D' Kafe Cikgu Nanis, Sabak Bernam




DR FAHMI NGAH
Seri Setia

hadir ke program sumbangan bakul makanan di kawasan DUN beliau

JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama

bersama peserta bengkel telefon pintar di Seksyen 20, Petaling Jaya



DATUK JOHAN AZIZ
Dusun Tua

meninjau kesan curi kabel di Pangsapuri Sri Kundang, Hulu Langat

ABBAS AZMI
Seri Serdang

melawat kaunter Iltizam Selangor Penyayang di Lake Vista, Subang Jaya



ONG CHUN WEI
Balakong

memeriksa kerosakan surau akibat ribut di Taman Cheras Jaya, Kajang

PUA PEI LING
Bukit Lanjan

ziarah dan mendengar masalah penduduk di DUN beliau



Usul warga asing dibawa ke DNS

SHAH ALAM - Salah satu usul yang dibahas dalam program Ahli Dewan Negeri (ADN) Muda Selangor 2024 akan dibawa ke sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada Julai.

Speaker Lau Weng San memberitahu usul dari program selama dua hari tersebut adalah mengenakan tindakan tegas terhadap warga asing yang menyalah guna lesen perniagaan warga tempatan.



"Keseluruhan program padat dan memuaskan, semua pembahas persembah isi dengan begitu cantik, kita akan pastikan input daripada ADN muda digunakan pada persidangan DNS akan datang.

"Usul yang kita pilih adalah usul ketiga. Ia akan diambil salah seorang ADN untuk dibahas dalam sidang DNS," katanya pada 28 Mei.

Program ADN Muda Selangor dengan

kerjasama Persatuan Pendemokrasian Sosial dan Ahli Parlimen Belia Selangor berlangsung pada 28 dan 29 Mei.

Ditawarkan kepada pelajar dan belia berusia 18 hingga 35 tahun, ia antara kelebihan menganggotai badan bukan kerajaan (NGO), penggerak belia tempatan serta mana-mana persatuan.

Penganjuran sejak 2013 antara program bawah DNS bagi melahirkan belia berfikir kritis khususnya terhadap dasar Kerajaan Negeri.

Ibu bapa perlu tunjuk teladan

Galak anak minat membaca

Oleh **SHEEDA FATHIL**

KUALA LUMPUR - Ibu bapa perlu menunjukkan sikap minat membaca buku jika mahu menunjukkan teladan kepada anak-anak, kata EXCO Belia Najwan Halimi.

Beliau mengakui ibu bapa kini dalam fasa penuh cabaran untuk membesarkan anak kerana faktor arus pemodenan antaranya peranti elektronik atau gajet.

"Cabaran membesarkan anak ketika

ini kerana faktor mereka terdedah kepada gajet dan media sosial seperti TikTok dan YouTube hingga mengabaikan bahan bacaan.

"Jika kita mahu anak rajin membaca, pastikan ia bermula daripada kita sendiri sebagai ibu bapa dengan menunjuk minat itu, baru ia menjadi ikutan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam bual bicara Memartabat Generasi Dengan Membaca di Pavilion Selangor sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala



Lumpur di Pusat Dagangan Dunia pada 1 Jun.

Najwan juga mengajak ibu bapa supaya mempelbagai bahan bacaan khususnya kandungan berunsur ilmiah untuk menarik minat anak-anak.

"Jika minat anak menjurus kepada komik atau majalah, ibu bapa boleh carikan komik dan majalah ilmiah. Sekarang banyak di pasaran asalkan kita pupuk minat mereka sedari kecil," katanya.

Naik bas dari Kedah ke festival, PBAKL

KUALA LUMPUR - Dua beradik menaiki bas dari Kedah menghadiri program anjuran Kerajaan Negeri, Festival Turath Islami Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sabiluzuhdi Zahari, 22, dan adiknya Syamil Zahari, 20, tiba pada 30 Jun kerana mahu melihat secara dekat ketokohan bekas Mufti Besar Mesir Prof. Dr. Ali Jum'ah.

"Pada mulanya tiada dalam perancangan ke sini, ia berlaku kebetulan. Jadi, kami ambil peluang untuk ke majlis ilmu dan alang-alang kami turut berkunjung ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL).

"Kami membeli beberapa buku termasuk Hadis 40 Imam Nawawi yang dikupaskan Dr. Ali Jum'ah. Buku yang dibeli ini sebagai bekalan sambung belajar di Damsyik, Syria" katanya pada 2 Jun.

Guru sekolah Nurul Khaiyah Kahar, 43, pula datang bersama rombongan dua bas dari Negeri Sembilan bagi mengunjung pesta buku

tersebut.


"Bukan kali pertama sebenarnya, banyak kali sekolah buat rombongan setiap kali ada pesta buku. Bagus inisiatif ini kerana kita dapat cari buku pelbagai genre," katanya.

Kakitangan swasta, Hanna Zahirah Zulmuthi, 24, pula lebih meminati buku berunsur sejarah tempatan dan kehidupan haiwan meski tidak mempelajarinya ketika menuntut di universiti.

"Sebelum ini menuntut jurusan biologi marin di Amerika Syarikat, kini kerja di syarikat solar. Kalau ikutkan buku ini tiada kena mengena dengan bidang saya tetapi saya berminat.

"Suka ada pesta buku kerana harga yang ditawarkan lebih murah berbanding di pasaran dan kebanyakan reruai ada menyediakan tawaran dan baucar sekiranya beli banyak buku," katanya.

Penjawat awam Halimatus Sa'adiyah Ariffin, 43, yang hadir bersama suami



DUN Kinrara agih ternakan korban

SHAH ALAM - Sebanyak 16 surau dan masjid sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara menerima sumbangan korban sempena Hari Raya Aidiladha.

Wakil rakyatnya Ng Sze Han menjelaskan setiap institusi menerima seekor lembu atau dua ekor kambing daripada Kerajaan Negeri bagi menjalankan ibadah korban.

Beliau berkata tujuh surau lain bawah kawasannya yang tidak menerima bantuan negeri pula diberikan RM2,000 setiap satu untuk membeli sendiri kambing atau lembu.

"Menerusi bantuan ini, semua surau dan masjid sekitar DUN Kinrara boleh menjalankan ibadah korban. Kita terima permohonan mereka ketika Syawal lalu," katanya pada 4 Jun.

Pavilion Selangor promosi inisiatif

KUALA LUMPUR - Pavilion Selangor membawa tema perumahan dan hartanah, kelestarian alam serta pendidikan dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada tahun ini.

Pengarahnya Zafrullah Aris berkata tema itu membantu orang ramai mengenali agensi negeri antaranya KDEB Waste Management, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan Yayasan Selangor.

"Setiap agensi memberi penerangan lanjut mengenai khidmat yang disediakan kepada rakyat. Ini memudahkan rakyat untuk tahu lebih lanjut," katanya di Pusat Dagangan Dunia pada 31 Mei.

Beliau menambah berkata Pavilion Selangor turut menawarkan pinjaman komputer dan tablet menerusi Skim Pinjaman Teknologi Asas Selangor (Sepintas) sepanjang 10 hari pameran hingga 2 Jun.

Bawa anak yatim ke pesta buku

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) membawa seramai 40 anak yatim sekitar Gombak ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada 29 Mei.

Program 'Shopping Buku' itu dianjurkan sempena cuti persekolahan bagi memberi peluang mereka untuk membeli buku kegemaran sekali gus memupuk minat membaca.

"Program yang julung kali diadakan memberi peluang dan ruang kepada anak-anak yatim untuk mendapatkan buku kegemaran mereka," kata kenyataan di Facebook.

Menurut Yide, setiap anak yatim menerima baucar RM120 iaitu RM100 bagi pembelian buku dan RM20 untuk membeli makanan dan minuman sepanjang program berkenaan.

Yide juga berhasrat meneruskan program berkenaan pada masa depan bagi memenuhi ruang cuti sekolah anak yatim dengan kegiatan bermanfaat.



Ribuan hayati konsert mahabbah

SHAH ALAM - Ribuan hadir ke Konsert Alunan Mahabbah sempena Festival Turath Islami Selangor di Dataran Karnival Stadium Shah Alam pada 1 Jun.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan bekas Mufti Besar Mesir Syeikh Profesor Dr Ali Jum'ah hadir memeriahkan program qasidah dan selawat berkenaan.

Acara dimulakan dengan nyanyian kumpulan nasyid terkenal, Rabbani dan alunan qasidah dari kumpulan Nur Ahli Badar.

Dr Ali Jum'ah turut menyampaikan tausiyah yang mengulas hadis yang diriwayatkan Imam Al-Hakim mengenai martabat Rasulullah SAW yang istimewa di sisi Allah SWT.

Acara kemuncak menyaksikan kumpulan Ikhwah Abu Shaar Brothers mendendangkan qasidah memuji kebesaran Allah dan berseawat ke atas Nabi Muhammad.

50,000 kunjungi Pavilion Selangor

KUALA LUMPUR - Lebih 50,000 orang berkunjung ke Pavilion Selangor di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), di sini, setakat 1 Jun.

Koordinatornya Zafrullah Aris berkata pelbagai aktiviti dianjurkan bagi menarik orang awam ke reruai tersebut antaranya pameran agensi Kerajaan Negeri dan sesi bual bicara.

"Kita turut bawa pasukan Selangor FC untuk menjual jersi mereka sebagai tanda solidariti kepada Faisal Halim dan usahawan Selangor Youth Community untuk mempromosi produk dihasilkan.

"Sama seperti tahun sebelum kita juga menyelitkan segmen Hati dan Minda Sasterawan setiap hari sepanjang program berlangsung bagi mereka berkongsi pengalaman dan kejayaan kepada masyarakat," katanya.

Peluang belajar seni cempuling

SHAH ALAM - Perbadanan Adat Melayu Warisan Negeri Selangor (PADAT) mempelawa orang ramai menyertai Bengkel Edu Kreatif bagi mempelajari pendidikan seni cempuling.

Agensi itu memaklumkan kelas mulai 8 Jun hingga 24 Ogos ditawarkan dengan yuran sebanyak RM30.

Program anjuran Seksyen Kebudayaan dan Pelancongan, Jabatan Pembangunan Komuniti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) turut mendapat kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai rakan strategik.

Untuk pendaftaran sila imbas kod QR di poster atau hubungi 016-333 7141 (Amin Fikry). Maklumat lanjut beacons.ai/padatselangor



Penguat kuasa mengalihkan naskhah dan bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran ketika operasi perobohan Kampung Sri Makmur, Gombak pada 27 Mei. Foto Pejabat Daerah dan Tanah Gombak

Dakwaan demi kepentingan peribadi

Al-Quran jadi bahan politik pembangkang

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Dakwaan puluhan naskhah al-Quran dimusnahkan dalam operasi perobohan penempatan setinggian Kampung Sri Makmur, Gombak adalah fitnah keji terhadap penjawat awam dan pegawai keselamatan.

Menyifatkan perbuatan itu melampaui batas, setiausaha politik kepada Dato' Menteri Besar berkata tindakan beberapa pemimpin politik menggunakan isu itu untuk kepentingan masing-masing tidak bertanggungjawab.

A Rahim Ahmad Kasdi yang kesal dengan tindakan tersebut berkata tin-

dakan pemimpin yang ketagih politik dan menyalahgunakan isu itu pada akhirnya tidak membawa sebarang manfaat kepada rakyat.

Katanya, tindakan dua pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) mempergunakan penduduk dalam persengketaan mereka merebut jawatan dalam pemilihan parti yang bakal berlangsung tidak bermaruah dan harus dihentikan serta-merta.

"Selaku ketua pembangkang di Dewan Rakyat, Parlimen dan Dewan Negeri Selangor, (Datuk Seri) Hamzah Zainudin dan (Dato' Seri Mohamed) Azmin Ali dua watak yang sentiasa diragui rakyat seeloknya lebih bertanggungjawab

dalam hal melibatkan rakyat.

"Sebaliknya, mereka serta Hilman Idham (Ahli Dewan Negeri Gombak Setia) yang terikut dengan tindak-tanduk kedua-dua idola politiknya sanggup melangkaui batas sehingga menyalahgunakan kitab suci al-Quran sebagai bahan politik di Kampung Sri Makmur.

"Saya amat kesal dengan tindakan beberapa pemimpin yang ketagih politik dan menyalahgunakan isu ini semata-mata sebagai gelanggang kempen merebut jawatan timbalan presiden dalam pemilihan parti yang akhirnya tidak akan membawa manfaat kepada rakyat," katanya pada 2 Jun.

100,000 baucar buku ditebus

SHAH ALAM - Lebih 100,000 baucar buku ditebus setakat 2 Jun dalam tempoh tiga hari penebusan yang mulai dibuka 31 Mei, kata Menteri Pendidikan Fadhlin Sidek.

Katanya, 56,466 baucar buku ditebus membabitkan murid tahun empat dan ke atas dan pelajar peringkat menengah manakala baki 50,000 peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi.

Beliau yang menutup Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di ibu negara pada 3 Jun memberitahu 122,000 judul buku dibeli melibatkan nilai pembelian lebih RM600,000, lapor Bernama.

"Ini menunjukkan baucar tersebut menjadi pemangkin kepada minat (membaca) dan ibu bapa mengambil kesempatan memastikan anak mereka mendapat manfaat daripada baucar

itu," katanya.

Inisiatif baucar RM50 dan RM100 diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 31 Mei selaras hasrat kerajaan melahirkan generasi berilmu, berfikiran kritis dan berwawasan.

Tempoh sah penebusan dan penggunaan baucar berkenaan antara 31 Mei hingga 31 Disember.